


Jilid 1
Bil. 79



Hari Isnin
2hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 13097]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 13147]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 13147]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAPAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL. S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAPIDAH Aziz, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Beia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., JP. (Alor Setar).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. Au, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- Setiausaha Parhmen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDULTAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- TUAN KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI Au, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- TUAN PIITING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan),
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu SIING SENG (Sibu).
- TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAPIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad,

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 2hb November, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****FILEM INDONESIA—
ADEGAN LUCAH**

1. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setengah filem-filem yang diimport dari Indonesia mengandungi adegan-adegan serta senikata-senikata yang lucu yang terutamanya ditayangkan melalui TV, jika ya, apakah ikhtiar yang akan dijalankan supaya perkara-perkara seperti ini mendapat perhatian Lembaga Penapis Filem sesuai dengan penerapan nilai-nilai Islam yang kita amalkan sekarang.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffery): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang menyedari terdapatnya adegan-adegan serta senikata yang lucu di dalam filem-filem yang diimport baik daripada Indonesia mahupun daripada negara-negara lain. Adegan-adegan dan senikata ini tidak sesuai bagi pendengaran dan tontonan masyarakat Malaysia serta bercanggah pula dengan nilai-nilai hidup dan sosio-budaya negara kita. Bahagian

Penapisan Filem, Jabatan Penyiaran memang mempunyai garis panduan-garis panduan yang ketat bagi memastikan supaya filem-filem yang mengandungi unsur-unsur begitu tidak ditayangkan melalui RTM atau bahagian-bahagian yang berkenaan yang perlu dipotong akan dipotong. Garis-garis panduan itu dijadikan asas dalam menilai kesesuaian semua jenis filem yang diimport sebelum ditayangkan.

RTM walau bagaimanapun hanya bertanggungjawab menapis filem-filem untuk siaran sendiri sahaja. Untuk kegunaan lain-lain pihak semua filem dan pita-pita video ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem yang terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri. Di masa ini Kementerian Penerangan hanya boleh memberi teguran-teguran dan menasihati sahaja atas siaran-siaran yang dirasai tidak sesuai. Ia tidak ada kuasa untuk menahan penyiaran filem-filem itu sendiri setelah diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem. Kerana itulah satu Rang Undang-undang Penyiaran yang baru sedang dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk membolehkan Kementerian Penerangan membuat kawalan-kawalan yang lebih rapi terhadap penyiaran filem-filem melalui TV Malaysia yang mengandungi bahan-bahan lucu itu. Namun begitu, masalah penapisan ini adalah tanggungjawab Lembaga Penapisan Filem di bawah kuatkuasa Kementerian Dalam Negeri dan terserahlah kepada Lembaga itu untuk menentukan garis panduan yang ketat

bagi mencegah penyiaran filem-filem yang mempunyai unsur-unsur yang tidak sihat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu kerana masalah yang timbul seperti hari ini sepanjang masa berlaku, bahkan menjadi amatan terus-menerus, tetapi dari jawapan pihak Kementerian berkenaan mengatakan perkara ini terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Saya ingin tahu bagaimanakah cara dan amalan yang telah dilakukan untuk menapis filem-filem yang tidak sesuai dengan peribadi masyarakat timur ataupun bercanggah dengan usaha penerapan nilai-nilai Islam.

Yang kedua, apakah Kementerian Dalam Negeri berlainan matlamat dan tujuannya dengan Kementerian Penerangan, sedangkan perkara ini pada asasnya sama sahaja, ertinya kalau matlamat Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam bukanlah tanggungjawab Kementerian Penerangan sahaja, tetapi tanggungjawab kepada semua Kementerian. Tetapi apa yang kita dapat jawapan sekejap tadi selain daripada.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tidak boleh komen.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak boleh komen pula

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tanya sahaja soalan tambahan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: kalau tanya itulah yang pertamanya, bagaimana cara membuat penapisan.

Yang kedua, apakah matlamat antara dua Kementerian ini tidak sama

dalam usaha penerapan nilai-nilai Islam, kalau sama macam mana amalan jadi bercanggah?

Tuan Railey bin Jaffery: Tuan yang di-Pertua, saya rasa pandangan di antara Kementerian Penerangan dengan Kementerian Dalam Negeri tidak bercanggah, tetapi cuma bezanya ialah filem-filem cereka ataupun video yang disiarkan di tempat awam seperti di panggung wayang dan lain-lain yang mana tanggungjawab ini terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri. Kita di RTM cuma bertanggungjawab untuk menapis filem-filem yang hendak ditayangkan di RTM sahaja dan untuk ini kita mempunyai garis panduan yang tertentu. Mungkin daripada segi pandangan Kementerian Dalam Negeri mereka ada garis panduan tertentu, yang mungkin tidak sama dengan Kementerian Penerangan, walaupun kebanyakan syarat-syarat ataupun garis panduan yang ditetapkan itu ada yang sama, saya percaya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada garis panduan. Apakah garis panduan itu dalam penapisan filem ini kerana mungkin ada adegan-adegan atas ranjang yang begitu menggiurkan para penonton sehingga malulah ibubapa dengan anak-anak yang ada sedang menonton dengan bentuk adegan yang dibuat dalam filem itu. Garis panduan ini harus dinyatakan dengan lebih jelas dan apakah tindakan daripada Kementerian Penerangan tentang TV3 yang selalu menyiarkan filem-filem yang begitu ghairah dengan penapisan yang dibuat oleh siapa.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, soal garis panduan ini memang ada, bukan sahaja ada, tetapi panjang. Antara lain bolehlah

saya sebutkan di sini yang perlu yakni garis panduan yang diamalkan oleh RTM dalam penapisan filem-filem yang hendak ditayangkan di dalam RTM selama ini; antara lain garis-garis panduan tersebut ialah adegan-adegan berhubungan sejenis lelaki perempuan berbogel atau homosexuality, lesbianism dan nudism tidak dibenarkan.

Adegan-adegan yang menunjukkan lelaki dan perempuan bercumbu-cumbuan yang terlalu mengghairahkan, babak-babak bercumbu-cumbuan hendaklah dipotong atau dipendekkan.

Perkara-perkara yang mempunyai unsur-unsur yang tidak mempercayai Tuhan tidak boleh disiarkan kecuali berkesudahan dengan keimanan dan keinsatan.

Perkataan-perkataan, bunyi-bunyian, gerak-geri dan tanda-tanda yang biadap dan kotor atau lucu hendaklah dipotong dan tidak boleh disiarkan. Filem-filem atau rancangan-rancangan yang menonjolkan atau mengagungkan agama selain daripada agama Islam termasuk tarian dan lagu-lagu tidak boleh disiarkan. Gambar-gambar artis yang berambut panjang dan berpakaian tidak rapi dan tidak senonoh dan menjolok mata yang menimbulkan minat orang meniru, mencontohi hendaklah dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah di antara lain yang perlu saya sebutkan, kalau hendak sebut panjang lagi lain-lain syarat-syaratnya.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, garis panduan yang diberi tadi itu ada tersebut perkataan terlalu. Jadi perkataan terlalu ghairah, terlalu, terlalu itu, apakah ukurannya ianya adalah bergantung kepada penapis itu sendiri. Kalau kepada saya melihatkan kepada filem-filem yang ditunjukkan

dalam TV itu adalah patut dipotong tetapi mengapa ianya tidak?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menafsirkan erti ghairah, terlalu ghairah ini memang ada bezanya. Tetapi sejauh ini saya percaya filem-filem yang dimainkan oleh RTM di televisyen semuanya pihak penapisan filem RTM telah berpuas hati dengan apa yang telah ditayangkan. Saya tidak tahulah kalau sekiranya ada tayangan-tayangan di TV3 di mana kita tidak mempunyai kuasa yang boleh mempengaruhi penonton-penonton selain daripada penonton RTM.

SEKOLAH ASRAMA PENUH BAGI PELAJAR MISKIN

2. **Tuan Abdul Mulok Awang Damit** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah baru yang diambil oleh Kementerian untuk membantu pelajar miskin dari luar bandar untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian pembelajaran mereka supaya setanding dengan murid-murid dari keluarga yang berada; dan
- (b) berapakah bilangan pelajar yang layak memasuki sekolah berasrama penuh di seluruh negara dan berapakah bilangan pelajar yang berjaya mendapat tempat pada tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum pendidikan rendah adalah percuma di negara kita. Oleh yang demikian kemudahan-kemudahan yang diberikan di sekolah-sekolah dapat

dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar-pelajar, lebih-lebih lagi pelajar-pelajar miskin di bandar ataupun di luar bandar.

Langkah tambahan diambil termasuk juga penyediaan buku-buku teks percuma, penyediaan kemudahan makanan dan minuman serta memastikan sekolah-sekolah di luar bandar dapat didirikan dengan prasarana yang cukup memuaskan dan juga guru-guru yang terlatih.

Langkah baru sepertimana yang telah kita umumkan baru-baru ini adalah dengan mengadakan pengambilan khas pelajar-pelajar sekolah asrama penuh bagi pelajar-pelajar yang paling miskin di satu-satu daerah. Kemudahan-kemudahan bagi pelajar-pelajar ini melebihi kemudahan yang biasa diberikan kepada pelajar-pelajar di sekolah asrama penuh lainnya.

- (b) Bilangan pelajar yang layak memasuki sekolah asrama penuh dan bilangan pelajar mendapat tempat pada tahun-tahun berikut adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Yang Layak</i>	<i>Bilangan yang berjaya</i>
1984	14,000	2,910
1985	16,000	2,910
1986	16,000	2,910
1987	17,000	2,910

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan yang dibekah oleh Yang Berhormat Menteri tadi ternyata bahawa sekolah-sekolah berasrama itu tidak cukup untuk menampung keperluan negara

kita ataupun untuk menampung pelajar yang makin meningkat. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mendirikan lebih banyak lagi sekolah berasrama penuh untuk menampung bilangan murid yang kian meningkat itu?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sekolah asrama penuh ini tidak bertujuan untuk menampung semua pelajar yang memohon. Fungsi asal sekolah asrama penuh ini ialah untuk membantu pelajar-pelajar yang miskin yang difikirkan mempunyai iklim yang tidak sesuai di sekitar rumah mereka sama ada yang miskin di bandar atau di luar bandar.

Oleh yang demikian adalah tidak mungkin bagi Kerajaan untuk menyediakan kemudahan asrama penuh bagi semua pelajar yang memohon yang berjumlah hampir 20,000 kini. Tetapi jumlah sekolah asrama penuh akan ditambah sama ada di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan atau di bawah MARA. Rancangan ini ditambah dari tahun ke tahun mengikut kemampuan dan keupayaan Kerajaan dan memastikan supaya peranan dan fungsi sekolah asrama penuh ini kembali kepada fungsi yang asal iaitu diperuntukkan dan ditentukan kepada pelajar-pelajar yang bukan sahaja cerdik tetapi yang mempunyai latar belakang sosio-ekonomi ibubapa yang miskin.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan terdapatnya beberapa sekolah berasrama penuh di negara ini yang belum digunakan atau diisi sepenuhnya, ini mungkin kerana kekurangan pelajar yang layak kerana syarat kemasukan yang semakin ketat, kelonggaran telah diberikan kepada pelajar mendapat 3A dan 2B dan 4A dan 1B untuk dipertimbangkan. Soalan saya adakah pihak Kementerian Pendidikan akan

memberi kelonggaran seterusnya bagi membolehkan pelajar-pelajar setempat di mana sekolah itu didirikan diterima masuk bagi mengisi kekosongan yang terdapat?

Soalan yang kedua adakah Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk mendirikan sekolah berasrama penuh bagi pelajar bandar dan luar bandar yang miskin tetapi kurang cerdik kerana golongan inilah yang sewajarnya diberi bantuan. Kalau jawapannya tidak, mengapa?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kelonggaran pada tahap ini diberikan hanya untuk pelajar-pelajar dari Labuan, Sabah dan Sarawak tetapi memandangkan bahawa pelajar-pelajar yang paling miskin harus diambilkira mulai tahun 1988 ini kelonggaran akan diberi bagi pelajar-pelajar yang tidak mendapat 3A ke atas tetapi yang dtdapati datangnya dari keluarga yang paling miskin, dengan izin, hard core poverty group sepertimana yang dijelaskan baru-baru ini, ini ialah kerana kita dapati bahawa pelajar yang pating miskin dari keluarga yang berpendapatan rendah dan dari sekolah yang agak terpencil tidak menunjukkan prestasi yang baik dari sekolah asal mereka. Oleh yang demikian kelonggaran akan diperluaskan mulai tahun 1988.

TARSEALING LEBUHRAYA KUCHING—LIMBANG

3. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah "tarsealing" untuk Lebuhraya Kuching ke Limbang dapat disiapkan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalanraya daripada Kuching ke Miri dan seterusnya ke Limbang sepanjang 940 km adalah di dalam rancangan

Kerajaan untuk mengetarkan keseluruhan jalanraya tersebut. Oleh kerana kosnya adalah besar Kerajaan terpaksa melakukan kerja-kerja menaikkan taraf jalanraya tersebut secara berperingkat-peringkat.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$329 juta bagi negeri Sarawak untuk menaikkan taraf jalanraya tersebut. Dalam tempoh itu bahagian-bahagian jalanraya yang akan siap adalah bahagian dari Bintulu ke Miri siap pada akhir tahun 1989, bahagian Sibul/Bintulu siap pada akhir tahun 1990, manakala bahagian-bahagiarr lain kerja-kerja menaikkan taraf akan diteruskan dalam rancangan-rancangan akan datang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri Kerjaraya memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah jumlah kosnya untuk mengetarkan jalanraya Trunk Road System dengan Pan-Borneo Highway?

Yang kedua, apakah tarikh sasaran atau bilakah boleh jalanraya itu dapat ditarkan semua, tahun 1995 atau tahun 2000, ataupun bila?

Dato' S. Samy Yellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja yang sedang dirancang dengan rekabentuk yang akan dimulakan penghujung tahun ini berharga \$79.7 juta untuk tahun 1987 dan ada juga peruntukan untuk tahun 1988 iaitu \$125.2 juta, jadi lebih kurang \$200 juta telah disediakan kepada negeri Sarawak untuk penghujung tahun 1987 dan untuk tahun 1988.

Berkenaan dengan projek Pan-Borneo Highway, di negeri Sabah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti membina lebih kurang 1,119 km untuk menyambung jalan-jalan yang ada di negeri Sabah dan juga Brunei

untuk mengadakan sambungan ke Pan-Borneo Highway. Dengan anggaran belanjawan yang ditetapkan oleh Kementerian Kerjaraya iaitu lebih daripada \$3 billion, saya percaya kerja ini tidak boleh diselesaikan dalam tempoh 3 atau 4 tahun tetapi saya percaya dalam 5 tahun akan datang di negeri Sabah kita boleh menyiapkan lebih kurang 450 km jalan mengikut anggaran yang kita tetapkan sekarang.

SUKU KAUM PENAN— PROGRAM PEMBANGUNAN

4. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementerian itu ada rancangan atau program untuk membantu suku kaum Penan di negeri Sarawak supaya mereka dapat dibawa ke arus pembangunan nasional di masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Thomas Salang Siden.

Tuan Thomas Salang Siden: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat pembetulan sedikit berkenaan dengan garis 3 iaitu "negeri", bukan "aegara". Soalan No. 4.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat Penan. Dengan kesedaran ini Kerajaan telah mengadakan berbagai program pembangunan untuk membawa mereka ke arus pembangunan. Di antara program-program tersebut termasuklah:

- (i) projek kemajuan pembangunan luar bandar seperti mengadakan bantuan

alat-alat binaan rumah dan projek bekalan air;

- (ii) projek kesihatan yang meliputi perkhidmatan doktor udara, perkhidmatan klinik bergerak dan program wakil kesihatan kampung;
- (iii) projek pelajaran untuk menempatkan anak-anak kaum Penan di sekolah-sekolah berasrama; dan
- (iv) projek-projek pertanian melalui khidmat pembangunan.

Oleh kerana masyarakat Penan masih tertinggal jauh di belakang jika dibandingkan dengan masyarakat-masyarakat lain maka pihak Kerajaan Negeri telah membentuk Jawatankuasa Kabinet Khas untuk mencari jalan bagi membangunkan masyarakat ini. Untuk makluman Yang Berhormat, satu laporan awal mengandungi cadangan-cadangan pembangunan jangka pendek telah pun siap dan sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini untuk dilaksanakan. Berhubung dengan ini juga Kerajaan akan menjalankan kajian menyeluruh ke atas masyarakat Penan di setiap bahagian di Sarawak untuk mengumpul data-data yang berguna untuk merancang program-program pembangunan jangka panjang untuk masyarakat tersebut.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah berkesannya tindakan seorang pendatang haram yang bernama Mansor Bruno yang dikatakan menghasut kaum Penan telah turut mempengaruhi pembangunan nasional Sarawak terutamanya di kawasan pendataman. Sekiranya tindakan Bruno itu bersifat negatif apakah tindakan Kerajaan seterusnya?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dalam urusan pihak berkuasa dan akan dimaklumkan kemudian.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Kerajaan bertujuan untuk mengadakan dialog dengan kaum Penan itu sebagai satu asas untuk mencari rancangan yang sesuai untuk bersama-sama dengan Kerajaan menyelesaikan masalah mereka, ataupun pihak Kerajaan bertujuan untuk terus mengambil langkah-langkah yang keras seperti yang telah diadakan di Miri baru-baru ini yang mana 10 orang pemimpin-pemimpin Penan termasuklah seorang budak yang berusia 14 tahun sahaja juga dituduh dalam mahkamah terbuka. Adakah tujuan pihak Kerajaan untuk menangkap semua orang Penan kerana bilangan mereka kecil sahaja, hanya beberapa ribu sahaja—adakah tujuan pihak Kerajaan ini memandangkan bahawa pihak Kerajaan sekarang amat berminat untuk menangkap dan menahan orang?

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, bagi siapa yang faham, bagi siapa yang mengerti, bagi siapa yang membaca, bagi siapa yang cerdik mereka tahu dialog adalah merupakan urusan Kerajaan dari awal lagi sehingga sekarang ini kecuali mereka yang mengingkari kenyataan sahaja, seperti mungkin pihak parti Yang Berhormat.

Kalau sekiranya orang tidak bertanya sama ada Kerajaan ingin berdialog ataupun tidak, jawapan sudah pun diketahui umum di seluruh Malaysia bahawa dialog merupakan sebahagian daripada cara Kerajaan. Jadi saya hairan kenapa soalan ini ditanya.

Mengenai langkah keras itu, langkah keras itu biasanya ialah

interpretasi oleh mereka yang tidak faham tentang sistem pentadbiran. Kerajaan tidak pernah membuat tindakan-tindakan bagaimana yang dibayangkan oleh parti yang berkenaan.

SEKOLAH VOKASIONAL-KURSUS DITAWARKAN

5. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah sekolah vokasional di negara ini dan taburannya mengikut negeri; dan
- (b) apakah jenis-jenis kursus yang ditawarkan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1987, jumlah Sekolah Menengah Vokasional di negara yang sedang beroperasi adalah 46 buah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan SMV</i>
Johor	1
Kedah	3
Kelantan ..	2
Melaka	2
Negeri Sembilan	4
Pahang Darul Makmur ..	5
Perak	4
Perlis	1
Pulau Pinang	3
Sabah	4
Sarawak	5
Selangor Darul Ehsan ..	1
Terengganu	2
Wilayah Persekutuan ..	3
Kuala Lumpur	2
Labuan	1

Sepertimana sedia dimaklumi juga sekolah menengah vokasional memang diberi keutamaan dalam rancangan perancangan Kementerian Pendidikan. Untuk tahun 1988 dua buah sekolah menengah vokasional akan beroperasi di negeri Sabah iaitu di Kudat dan Lahat Datu dan 9 buah yang lain iaitu 1 di Kota Tinggi, Johor; Tanah Merah, Kelantan; Port Dickson, Negeri Sembilan; Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur; Bentong, Pahang Darul Makmur; Kuata Kangsar, Perak; Arau, Perlis; Sungai Buluh, Selangor; dan Besut di Terengganu.

Kursus-kursus yang diperkenalkan di SMV ini termasuklah ketukangan dalam bidang binaan bangunan, automotif, kimpalan dan fabrikasi togam, amalan bengkel mesin, penyejukan dan penyaman udara, elektrik dan bidang-bidang lain ialah perdagangan, pertanian, sains rumahtangga dan juga kursus-kursus pendek yang mencakup bidang-bidang mekanik am kimpalan asas, mekanik kenderaan motor, menurap bata dan lain-lain.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan bercadang untuk menambah lagi kursus vokasional, sekolah vokasional yang penting serta sekolah teknik. Adakah Yang Berhormat berhasrat untuk menambah lagi kepelbagaian kursus tersebut?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ada.

Tuan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Pendek sahaja?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ya.

Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau dilihat dari segi

prestasi keluaran daripada sekolah-sekolah vokasional ini ternyata mereka mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh digunakan dalam pasaran buruh pada masa ini. Jika demikian, adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah dasar pendidikan agar sebahagian besar daripada pelajar-pelajar diberi pendidikan vokasional.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disebut tadi memang dalam perancangan pendidikan kita akan menambah selain daripada apa yang dibaca tadi, sekurang-kurangnya 12 lagi akan dibina kawasan-kawasan baru, ini merujuk kepada soalan Yang Berhormat dari Kepong. Tetapi dalam sistem pendidikan kita harus ada pengimbangan di antara pertimbangan akademik untuk keperluan-keperluan pekerjaan bidang profesion perguruan, pentadbiran, pengurusan dan lain-lain dan juga keperluan teknikal dan vokasional. Oleh yang demikian, kita tidak bercadang untuk mendedahkan semua pelajar atau sebahagian besar dari pelajar dalam bidang-bidang ini. Tetapi sepertimana yang disebut tadi jumlah pelajar yang akan didedahkan dalam bidang latihan teknikal dan vokasional ini tentunya akan jauh lebih bertambah, mungkin dua kali ganda dari jumlah yang dilatih sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Nurnikman Abdullah.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Nurnikman Abdullah tidak hadir).

GRADUAN DIBENARKAN KERJA DI LUAR NEGERI

7. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah sambutan dan

tindak balas daripada negara-negara luar mengenai polisi Kerajaan Mataysia yang baru iaitu mengizinkan pelajar-pelajarnya untuk bertugas selepas mereka tamat sekolah seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom dan lain-lain negara:

- (a) apakah rancangan ini hanya untuk jangka masa pendek atau jangka masa panjang;
- (b) adakah pelajar-pelajar tersebut masih dikehendaki membayar balik wang pinjaman biasiswa mereka; dan
- (c) apakah syarat-syarat bagi negara-negara tersebut mengenai perkara itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih belum menerima secara rasmi reaksi negara-negara asing terhadap cadangannya untuk membenarkan pelajar-pelajar tajaannya mendapat latihan tambahan dan pengalaman di universiti-universiti seberang laut. Ini ialah kerana rancangan yang hendak dilaksanakan, yang diumumkan baru-baru ini, masih di peringkat kajian dan perundingan negara-negara tersebut, iaitu:

- (a) Rancangan untuk membenarkan pemegang-pemegang biasiswa mendapat latihan tambahan dan pengalaman bekerja serta pendedahan yang sesuai sesudah mereka menamatkan pengajian di universiti-universiti luar negeri adalah untuk jangka masa pendek.
- (b) Bagi pemegang-pemegang biasiswa, perjanjian mereka dengan Kerajaan akan digantung penguatkuasaannya selama tempoh mereka berada di luar negeri. Perjanjian tersebut akan dikuatkuasakan apabila mereka pulang ke

tanahair nanti, begitu juga bagi pelajar-pelajar yang menerima pinjaman pelajaran.

- (c) Kerajaan, khususnya JPA belum dapat memastikan apakah syarat-syarat yang akan dikenakan oleh negara-negara asing yang terlibat oleh kerana rancangan ini masih di peringkat perundingan.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sejauh ini berapa ramaiakah pelajar-pelajar yang telah mengikuti dasar ini dan negeri manakah yang banyak menerima pelajar-pelajar bekerja?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Dari makluman yang telah diperolehi, Tuan Yang di-Pertua, ada pelajar-pelajar yang didapati bekerja di negara-negara seperti Australia dan Amerika Syarikat, tetapi kebanyakannya adalah atas usaha dan inisiatif mereka sendiri sama ada melanjutkan pelajaran dan bekerja sambil dengan universiti sebagai Pembantu Penyelidikan ataupun dalam menyiapkan kerja-kerja universiti ataupun dengan industri-industri berkaitan, tetapi jumlah ini amatlah kecil dan belum merupakan satu usaha yang diselenggarakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan di Malaysia.

PENERBANGAN MASUK KE MALAYSIA

8. **Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan beberapakah kekerapan penerbangan awam yang masuk dari luar negeri ke Malaysia sebulan baik melalui MAS dan lain-lain penerbangan. Sila bandingkan bilangan purata ini dengan penerbangan ke Singapura dan Thailand. Adakah Kerajaan

bercadang menambahkan bilangan ini selaras dengan cita-cita menjadikan sektor pelancongan sebagai suatu sektor pertumbuhan (growth sector). Kalau bercadang, berapa banyakkah kekurangan keuntungan MAS yang dijangka andainya dibuka peluang terbang masuk kepada syarikat penerbangan lain.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, bilangan penerbangan antarabangsa yang masuk ke Malaysia sebulan secara purata bagi lapan bulan pertama tahun 1987 ialah sebanyak 1,698 penerbangan. Bilangan ini adalah termasuk penerbangan-penerbangan yang diadakan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan oleh syarikat-syarikat penerbangan asing lain yang mengadakan perkhidmatan ke Malaysia.

Bagi tempoh masa yang sama itu, bilangan penerbangan antarabangsa yang masuk ke Singapura adalah sebanyak 3,196 penerbangan sebulan secara purata; sementara yang masuk ke Thailand adalah sebanyak 2,096 penerbangan sebulan secara purata.

Kerajaan sememangnya sentiasa memberi galakan kepada syarikat-syarikat penerbangan asing supaya mengadakan perkhidmatan ke Malaysia. Berhubung dengan ini, Kerajaan telah pun mengikat perjanjian udara dengan 44 buah negara asing yang membolehkan syarikat-syarikat penerbangan mereka mengadakan perkhidmatan berjadual ke Malaysia. Sungguhpun syarikat-syarikat penerbangan asing itu telah diberi hak-hak mendarat di Malaysia, tetapi pada masa ini tidak semuanya daripada mereka itu menggunakan hak-hak tersebut dan mengadakan perkhidmatannya ke Malaysia. Buat masa ini hanya terdapat sebanyak 26

syarikat-syarikat penerbangan asing yang menjalankan perkhidmatan ke Malaysia.

Keputusan untuk mengadakan penerbangan ke negara ini adalah terpulang kepada syarikat-syarikat penerbangan itu sendiri. Pada amalnya syarikat-syarikat penerbangan akan membuat pertimbangan sama ada untuk mengadakan penerbangan ke negara berkenaan itu atau tidak berasaskan kepada faktor-faktor "commercial" dari segi kedudukan aliran trafik pada jalan-jalan tertentu itu dan juga dari segi penarikan atau kepentingan bandar-bandar berkenaan di dalam rangkaian perkhidmatan mereka.

Selain daripada hak-hak tratik yang diberikan kepada syarikat-syarikat penerbangan asing melalui perjanjian udara, Kerajaan juga mengamalkan dasar yang terbuka (open skies) bagi menggalakkan kedatangan penerbangan-penerbangan tidak berjadual atau sewa khas (inclusive tour charters). Dengan adanya dasar tersebut, syarikat-syarikat penerbangan asing boleh mengadakan perkhidmatan sewa khas ke negara ini pada bila-bila masa mereka ingin berbuat demikian.

Selain daripada itu, Kerajaan juga menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk mengadakan operasi bersama dengan MAS sebagai satu lagi usaha untuk meningkatkan lagi kedatangan lebih banyak syarikat-syarikat penerbangan asing ke negara ini.

Saya ingin menegaskan bahawa pembukaan peluang masuk kepada syarikat-syarikat penerbangan asing tidaklah semestinya bermakna bahawa MAS akan mengalami kekurangan pendapatan. Sebaliknya, di dalam keadaan-keadaan tertentu, misalnya sekiranya terdapat, dengan izin, "increased opportunities" ataupun

perkembangan dan pertumbuhan yang besar di dalam permintaan pasaran akibat daripada pertambahan jumlah syarikat-syarikat penerbangan asing yang mengadakan perkhidmatan ke Malaysia. Misalnya, sekiranya lebih banyak syarikat penerbangan mengadakan penerbangan ke negara ini, peluang MAS untuk mendapat hak trafik bagi penerbangannya ke negara-negara asing itu sudah tentu akan lebih menggalakkan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat penerbangan asing untuk membuat pendaratan ke negara kita ini, bolehkah Kerajaan menimbangankan untuk mengurangkan ataupun kalau tidak, menghapuskan cukai pendaratan (landing tax) terhadap syarikat-syarikat penerbangan asing itu.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti itu ada dalam perbincangan-perbincangan dengan mana-mana juga syarikat penerbangan yang membuat perjanjian dengan MAS.

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini kita dapati ada tiket-tiket penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke Singapura yang palsu atau didapati sebagai tiket palsu. Saya ingin tahu adakah pihak Kementerian telah membuat penyiasatan dan tidakkah berkemungkinan ada sindiket-sindiket yang telah membuat ataupun tiru mengeluarkan tiket-tiket palsu penerbangan bukan sahaja MAS bahkan juga penerbangan-penerbangan lain yang berpusat di negara kita. Adakah Kerajaan telah membuat penyiasatan dan sekiranya ada, apakah tindakan yang telah diambil kepada mereka yang terlibat

dengan mengeluarkan tiket-tiket palsu penerbangan sama ada MAS ataupun lain-lain penerbangan daripada negara kita.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi laporan yang mengatakan ada tiket-tiket palsu itu dibuat dan telah disantpaikan kepada Kementerian. Sekiranya ada, kita akan mengkaji punca-puncanya dan tindakan yang sesuai akan diambil.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari.

(Soalan No. 9 Y.B. Dato Zainal Abidin bin Johari tidak hadir).

BAS EKSPRES HARAM— TINDAKAN

10. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa banyak bas-bas ekspres haram yang telah diambil tindakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan kepada pengusahanya yang kini semakin meningkat kegiatan menjalankannya sehingga mengancam perkhidmatan bas-bas ekspres biasa hingga kini; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan kepada bas-bas persiaran dan kilang yang mengambil penumpang-penumpang di stesyen-stesyen bas dan teksi. Berapa buah bas tersebut telah diambil tindakan sehingga kini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua dalam tempoh lima tahun iaitu mulai 1983 hingga 30hb September, 1987, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah

mengambil tindakan terhadap 1,684 buah bas ekspres haram iaitu 469 pada tahun 1983, 283 pada 1984, 190 pada 1985 dan 408 pada 1986 dan 334 dari Januari-September, 1987.

Pegawai-pegawai JPJ sentiasa menjalankan siasatan mengejut di stesen-stesen bas dan teksi untuk melarang bas-bas persiaran dan kilang mengambil penumpang di stesen-stesen tersebut. Mereka yang engkar biasanya dtsaman dan dikenakan kompaun ataupun kesalahan tersebut dirujukkan kepada mahkamah. Jika didapati pengusaha-pengusaha bas mengulangi kesaihan-kesalahan yang serupa, JPJ akan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan untuk membatalkan lesen perdagangan pengusaha-pengusaha bas tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara bulan Januari hingga September tahun 1987, sebanyak 51 buah bas persiaran dan bas kilang telah melakukan kesalahan mengambil penumpang di stesen-stesen bas dan teksi di sekitar Lembah Kelang telah diambil tindakan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa tindakan yang lebih tegas akan diambil di masa-masa yang akan datang sehinggalah kegiatan tersebut dihentikan oleh pihak-pihak berkenaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa kesemua mereka yang terlibat itu adalah "ingin mencari makan" dan pihak Kementerian berkenaan telah mengeluarkan permit untuk bas pelancongan dan bas kilang ini melebihi daripada apa yang sepatutnya. Sekarang banyak kilang ditutup tetapi bas kilang masih banyak dikeluarkan. Sektor pelancongan orang tak berapa minat melancong tetapi bas pelancongan masih banyak

dikeluarkan. Jadi apakah Yang Berhormat bercadang untuk membenarkan bas pelancongan dan bas kilang yang bertindak menjadi bas ekspres haram itu dijadikan anak angkat kepada bas-bas ekspres yang halal supaya mereka juga dapat terus hidup dan dapat membayar hutang seperti juga bas-bas ekspres yang halal?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar bahawa keadaan hari Jni adalah begitu menekan dalam keadaan ekonomi meleset. Itulah sebabnya kalau kita perhatikan bilangan yang menjadi ekspres haram itu kian tahun kian bertambah.

Namun begitu, penguatkuasaan mesti dijalankan, kerana itu adalah tugas dan tanggungjawab JPJ di bawah Kementerian Pengangkutan. Kalau tak dibuat tindakan, ada juga ramai Ahli Yang Berhormat yang marah kepada Kementerian, melaporkan kepada saya kegiatan-kegiatan haram itu berlaku, katanya, JPJ tak ambil tindakan.

Tetapi, mengenai perkara yang kedua iaitu mengeluarkan permit melebihi dari apa yang sepatutnya adalah tidak daripada Kementerian Pengangkutan dan kalau hendak mencadangkan mengenai anak angkat bas ekspres haram tadi, saya berharap Ahli Yang Berhormat tolong rujukkan kepada Kementerian yang berkenaan dan saya pun tak tahulah sama ada kalau diambil cadangan bas ekspres haram menjadi anak angkat itu bagaimana pula akibatnya nanti, tak dapatlah saya hendak memperkatakan sekarang.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah hasil

kutipan denda yang dikutip daripada pengusaha-pengusaha bas haram selama ini?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, angka itu tak ada pada saya pada masa ini. Kalau Ahli Yang Berhormat perlukan angka itu, bolehlah beri notis.

TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

11. **Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kementerian beliau akan menyetujui atas perjanjian untuk mengawasi sempadan bersama di antara Filipina dan Malaysia supaya Filipina akan menggugurkan tuntutan terhadap Sabah. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengawal orang-orang bersenjata, pendatang haram dan lanun di perairan Pantai Timur Sabah; dan apakah yang telah dicapai setakat ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, masalah tuntutan Pilipina ke atas Sabah adalah masalah dalam negeri Filipina itu sendiri. Walau bagaimanapun, Malaysia akan menyambut baik sebarang cadangan bentuk kerjasama dua hala Malaysia-Filipina untuk membolehkan Filipina menggugurkan tuntutan ini.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal orang-orang yang bersenjata, pendatang haram dan lanun di perairan Pantai Timur Sabah adalah seperti berikut:

- (1) menjalankan rondaan, sekatan laut serta serbuan oleh bot-bot ronda Polis Marin di kawasan strategik dan sensitif;

- (2) menjalankan operasi khas di kawasan yang difikirkan sensitif mengikut keperluan semasa;
- (3) menjalankan rondaan bersama dengan Unit Udara Polis sebagai "surveillance", dengan izin, dan bot ronda sebagai unit bertindak;
- (4) mengadakan rondaan berkordinasi dengan TLDM;
- (5) menempatkan anggota-anggota Polis Hutan di pulau-pulau strategik bagi mengawasi pergerakan pengguna laut, mengumpul maklumat serta mengambil tindakan jika berlaku sebarang kejadian; dan
- (6) menubuhkan pasukan petugas khas terdiri dari Pasukan Polis Hutan, Border Scram dan CID untuk merancang serta melancarkan operasi khas bagi membanteras kegiatan jenayah dan lanun.

Secara keseluruhan keadaan keselamatan di Pantai Timur Sabah adalah terkawal. Di antara kejayaan yang telah dicapai oleh Pasukan Keselamatan sepanjang tahun 1987 adalah seperti berikut:

- (i) Pada 14hb Jun tahun ini (1987) Pasukan Keselamatan telah berjaya menumpaskan 5 orang perompak bersenjata berbangsa Indonesia yang menaiki bot laju setelah berbalas tembak di Teluk Lowic;
- (ii) pada 9hb Jun tahun ini juga, Pasukan Keselamatan berjaya menangkap seorang ketua lanun serta merampas sepucuk pistol Colt 45 daripadanya di Semporna, Sabah; dan
- (iii) pada 19hb September yang lalu, daiam serbuan yang berasingan Pasukan Keselamatan telah berjaya

menangkap 5 orang yang disyaki perompak di Mantalitip dan Pulau Bum Bum, Semporna.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar mengenai tuduhan Menteri Luar Filipina bahawa negeri Sabah adalah pintu keluar bagi penyeludupan senjata ke negara Filipina.

Kedua, sama ada Kerajaan akan menimbang supaya menggunakan "coastal air patrol", dengan izin, untuk menghalang kegiatan penyeludupan dan pendatang haram masuk ke negara kita?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penyeludupan senjata di kawasan sempadan Malaysia/Sabah dan Pilipina, pihak Kerajaan belum mendapat sebarang laporan rasmi dan setakat ini kita tidak boleh buat apa-apa selagi tidak mendapat laporan rasmi berkenaan dengan penyeludupan senjata yang berkenaan.

Yang kedua, pihak Kerajaan boleh menimbang untuk menggunakan coastal air patrol bagi mengawasi sempadan di Sabah-Pilipina.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana soalan ini sudah ditanya hampir "satu tong", saya rasa, dan jawapan yang sama sentiasa diberi, saya ingin bertanya sekali untuk keseluruhannya supaya jangan dijawab lagi, apakah keadaan ini betul-betul mengancam keselamatan negara? Kalau betul mengancam, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengambil satu tindakan yang drastik seperti meletakkan periuk-periuk api supaya menghalang mereka itu daripada masuk ke kawasan perairan Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh menjawab dengan jawapan menutup tong.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, keadaan keselamatan tidaklah mengancam seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Cuma pihak Kerajaan akan mengambil tindakan kepada kes-kes yang dilaporkan ataupun yang terdapat yang mungkin perlu diambil tindakan. Itu sahaja sebagai jawapan.

BANGUNAN GANTIAN SEKOLAH— PEMBINAAN

12. Dr Nicholas Manong Anak Ibau minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebab-sebab bangunan-bangunan sekolah dan asrama yang lama dibina secara bergotong-royong di sekolah-sekolah rendah di Sarawak contohnya Sekolah Rendah Kerajaan Ulu Naman Bahagian Ketiga Sibul tidak pernah diganti dengan bangunan baru sejak ianya dibina beberapa tahun yang lalu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang ada melaksanakan pembinaan bangunan-bangunan gantian/tambahan di sekolah-sekolah rendah di Sarawak. Pelaksanaan pembinaan pembangunan bangunan ini dibuat secara berperingkat-peringkat. Sehingga kini sebanyak 60 daripada 130 buah projek sekolah rendah yang dirancangan pembinaan bangunan gantian di Sarawak telah pun dilaksanakan.

Mengenai projek pembinaan bangunan gantian Sekolah Rendah Kebangsaan Ulu Naman, Bahagian Ketiga Sibul, Sarawak telah pun dirancangan untuk pembinaan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Butiran projek ialah 3 bilik darjah, 2 rumah

guru dan satu asrama dengan anggaran kos sebanyak \$500,000.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membaiki atau membina semula sekolah-sekolah lama di seluruh negara khususnya sekolah-sekolah rendah di kawasan luar bandar kerana bangunan-bangunan sekolah itu terlalu lama sehingga membahayakan nyawa murid-murid? Terima kasih.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Dari peruntukan yang diperolehi dari tahun ke tahun terutama dalam bidang pembangunan, keutamaan yang diberikan ialah pembangunan sekolah-sekolah luar bandar dan sekolah-sekolah bandar yang dhaif kedudukan bangunannya. Jadi, untuk menjelaskan lagi eloklah saya tekankan bahawa program ini ialah program yang berterusan dan sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang merasakan satu-satu sekolah itu benar-benar dhaif dan kalau benar akan runtuh tidak lama lagi eloklah diberitahu saya segera.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Datuk Bernard Giluk Dompok.

(Soalan No. 13 Y.B. Datuk Bernard Giluk Dompok tidak hadir).

JALAN GUA MUSANG/ KUALA UPIS

14. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Kerjaraya menyatakan memandangkan Jalan Gua Musang/ Kuala Lipis digunakan sebagai latuan dekat ke Kota Bharu oleh semua kenderaan, saya ingin tahu bilakah Kerajaan akan melancarkan/ mengisytiharkan jalan ini sebagai jalan untuk semua jenis kenderaan khas untuk pengangkutan awam dan digazetkan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan Jalan Gua Musang/ Kuala Lipis telah diwartakan sebagai Jalan Persekutuan pada bulan Mei 1987. Dengan perwartaan ini bermakna bahawa jalan tersebut holehlah dilalui oleh semua kenderaan termasuk pengangkutan awam yang tidak melebihi 22 tan. Semua kenderaan yang melebihi 22 tan hendaklah menggunakan jalan asal iaitu melalui Kuantan ke Kota Bharu.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan jalan daripada Gua Musang ke Kuala Lipis boleh diagakkan jalan utama daripada Kelantan ke Kuala Lumpur dan memandangkan sekarang ini kita nampak jalan ini kurang begitu memuaskan, adakah rancangan daripada pihak Kementerian ini akan memperbaiki jalan itu dan bilakah agaknya?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja kita berbelanja beberapa juta ringgit untuk memperbaiki jalan dan juga untuk mengadakan jalan baru. Jikalau rakyat suka hendak menaikkan taraf jalan itu sebagai jalan biasa iaitu seperti jalan Persekutuan yang lain, ini memakan belanja yang lebih. Pada masa sekarang, keadaan kewangan tidak mengizinkan kami untuk menaikkan taraf jalan itu. Saya meminta Ahli Yang Berhormat bersabarlah sedikit sampai kita selesaikan masalah-masalah kewangan. Selepas itu boleh jugalah di seluruh tanahair kita, kita naikkan taraf semua jalan. *(Ketawa)*

LAWATAN PERDANA MENTERI THAILAND KE KUANTAN

15. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tujuan lawatan Perdana Menteri Thai ke negeri Pahang pada 18hb dan 19hb

September, 1987 dan sila nyatakan hasil perundingan yang telah diadakan.

12-11-87

18. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri Thailand, Jeneral Tun Prem Tinsulanonda ke Malaysia baru-baru ini dan adakah perkara-perkara bersabit dengan pencerobohan nelayan Thai ke perairan Malaysia telah dibincangkan; dan juga perkara-perkara seperti penyeludupan bayi, senjata api dan dadah melalui jalan darat dan laut telah dibangkitkan, jika ya, apakah hasil perbincangan ini dan sama ada pihak Thai telah mengaku memberi kerjasama dalam membanteras perkara-perkara tersebut.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada 12hb Ncwember, 1987 kerana soalnya adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan Perdana Menteri Thailand ke Kuantan, Pahang Darulmaktum pada 18hb dan 19hb September, 1987 adalah dalam konteks lawatan kerja, bertujuan untuk membolehkan kedua-dua Perdana Menteri berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu dua hala dan serantau. Lawatan itu juga merupakan lawatan balas pihak Thai ke atas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Selatan Thailand iaitu Songkhla dan Phuket pada 16hb dan 17hb Mei, 1985.

Beberapa hasil yang positif telah dicapai dalam lawatan ini. Hasil daripada perbincangan di antara kedua-dua pihak, persefahaman telah dicapai dalam beberapa bidang untuk

meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua negara. Ini termasuklah meningkatkan kerjasama ekonomi di antara negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Selatan Thailand dan meningkatkan kerjasama dalam usaha menarik pelancong-pelancong luar ke rantau ini. Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama di bidang bekalan industri pertahanan.

Di samping itu kata sepakat juga telah dicapai supaya pegawai-pegawai dari kedua-dua buah negara meneruskan perbincangan untuk menyelesaikan masalah di kawasan bertindih Malaysia-Thailand iaitu Malaysia-Thailand Joint Development Area, dengan izin. Persefahaman juga telah dicapai di bidang perikanan, di mana sektor swasta dari kedua-dua buah negara telah berjaya menubuhkan satu industri kerjasama perikanan, yang telah dilancarkan secara rasmi oleh kedua-dua Perdana Menteri semasa lawatan Jeneral Prem ke Malaysia.

Persefahaman yang lebih mendalam juga telah diperolehi dari lawatan ini oleh kedua-dua pemimpin mengenai pendirian negara masing-masing berkenaan isu-isu antarabangsa, masalah Karapuchea dan Afghanistan.

Pada keseluruhannya lawatan Perdana Menteri Thailand ke Malaysia adalah berjaya. Lawatan tersebut telah dapat mengeratkan lagi persefahaman dan hubungan di antara kedua-dua negara serta memberi kesempatan untuk kedua-dua pemimpin membincangkan kerjasama dua hala dalam perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama. Lawatan ini juga telah berjaya memupuk dan mempereratkan lagi hubungan peribadi di kalangan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kedua-dua buah negara.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Apakah hasil perundingan ini dapat satu persetujuan mengenai pencerobohan nelayan-nelayan dan bot-bot Thai ke perairan Malaysia dan adakah persetujuan itu termasuk memperkembangkan lagi kerjasama ke atas Zon Ekonomi Eksklusif selain daripada penangkapan tuna?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya perkatakan dalam jawapan sebentar tadi, bahawa masalah kerjasama perikanan di antara kedua-dua buah negara telah juga dibincangkan yang telah menghasilkan satu kerjasama di antara kedua-dua pihak dan ini akan dikaji dari masa ke semasa agar masalah pencerobohan penangkap-penangkap ikan Thailand ke negara ini akan dapat dibendung agar masalah ini tidak timbul di masa-masa yang akan datang. Begitu juga sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa kawasan, dengan izin, Joint Development Area menjadi tajuk perbincangan dan ianya akan dikaji dengan lebih lanjut lagi supaya satu penyelesaian dapat diperolehi hasil daripada kerjasama dalam kawasan Joint Development Area tadi iaitu termasuk dalam kawasan EEZ.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah ingatan saya, soalan ini telah terangkum dalam jawapan yang lalu. (Soalan No. 16)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat.

(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Teoh Teik Huat tidak hadir).

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE CHINA

18. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan Timbalan Perdana Menteri dan rombongan ke negeri China baru-baru ini, terutamanya dari segi peluang pelaburan dua-hala, perpaduan, kebudayaan dan keselamatan di rantau Asia serta lain-lain hal yang ada sangkutan dengan Malaysia.

9-77-7957

7. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan mereka ke England dan Cina baru-baru ini termasuklah dalam bidang perdagangan, perindustrian dan hubungan diplomatik.

11-11-1987

8. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan pemimpin-pemimpin negara ke Negeri China sejak dari lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak hinggalah lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini.

73-77-7957

5. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Negeri Cina baru-baru ini dari segi kepentingan negara kita.

25-77-7957

20. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Timbalan Perdana Menteri ke negeri Jepun dan Republik Rakyat Cina dari segi kerjasama ekonomi dan politik dengan Malaysia.

3-12-1987

5. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Luar Negeri menjelaskan apakah perkara-perkara yang dibincangkan oleh Timbalan Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin negara Republik Rakyat China baru-baru ini, dan adakah apa-apa perjanjian yang ditandatangani selama lawatan itu.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sekaiigus menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Marang pada 9hb November, dari Arau pada 11hb November, dari Parit pada 13hb November, dari Gopeng pada 25hb November dan dari Tasek Chenderoh pada 3hb Disember kerana soalan-soalan mereka adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian dari jawapan pada soalan ini iaitu mengenai lawatan ke Negeri China, telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 12hb Oktober dan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 14hb Oktober. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

Mengenai lawatan ke Jepun, tujuan lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu adalah untuk menarik pelabur-pelabur Jepun ke Malaysia. Semasa lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bertemu dan berbincang dengan beberapa orang pemimpin Kerajaan Jepun mengenai isu-isu yang tertumpu pada perhubungan perdagangan dua hata. Yang Amat Berhormat Timbalan

Perdana Menteri juga berkesempatan berbincang mengenai hal-hal perdagangan dengan pertubuhan terbesar ekonomi Jepun iaitu KEIDANREN, Japan Chamber of Commerce and Industry (JCCI) dan Japan-Malaysia Economic Association (JAMECA).

Di antara perkara-perkara yang dibincangkan ialah mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan perdagangan dan pelaburan, pertukaran teknologi dan mengurangkan kadar faedah ke atas pinjaman Yen. Pihak Jepun telah berjanji untuk mengkaji secara mendalam mengenai perkara-perkara tersebut.

Beberapa rombongan pelaburan Jepun, termasuklah rombongan dari Bank of Tokyo, telah berjanji untuk melawat Malaysia pada penghujung tahun ini manakala lapan buah syarikat Jepun telah menyatakan akan membuat permohonan kepada MIDA untuk melaksanakan projek berjumlah lebih kurang M\$80 juta di Malaysia.

Adalah jelas bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Jepun telah mendatangkan hasil yang menggalakkan dan membuka peluang yang lebih luas kepada penglibatan syarikat-syarikat Jepun di dalam pembangunan ekonomi negara.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gembira mendengar jawapan atas kejayaan lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke China dan Jepun. Tetapi saya juga dapat dengar bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada melawat Tibet dan setelah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pulang ke tanahair beberapa minggu selepas daripada itu, ada satu uprising di Tibet. Adakah mereka

mendapat semangat daripada lawatan ini ataupun ada perkara-perkara yang berlaku sebaliknya?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir itu yang sebenarnya tujuan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk melawat Tibet.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa untuk soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 9, 13, 17 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).

SEWA RUMAH BAGI CUKAI PENDAPATAN

6. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengecualikan cukai terhadap sewa rumah yang diperolehi oleh seseorang individu dengan menyewakan rumah mereka memandangkan keperluan rumah sewa kini agak berkurangan dan menyebabkan jatuhnya sewa rumah. Adakah Menteri Kewangan sedar dengan dikenakan cukai, akan merumitkan mereka yang terlibat kerana bayaran bulanan yang mereka buat kepada bank-bank atau institusi-institusi lain adalah tinggi.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk memberi pengecualian cukai terhadap pendapatan yang diperolehi oleh seseorang individu dari pendapatan sewa rumah yang diterima. Wang yang diterima dari sewa rumah adalah ditakrifkan sebagai pendapatan mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 dan ianya adalah tertakluk kepada cukai pendapatan. Kerajaan memang sedar akan kejatuhan permintaan terhadap rumah

sewa pada masa ini yang menyebabkan kejatuhan kepada kadar sewa rumah. Walau bagaimanapun ini bukan merupakan beban atau masalah kepada tuan-tuan rumah yang terlibat dengan bayaran bulanan kepada bank-bank. Beban atau masalah ini tidak berbangkit kerana semasa taksiran cukai pendapatan dikira, semua perbelanjaan yang telah dibelanjakan ke atas rumah sewa berkenaan seperti bayaran faedah kepada bank, kos-kos untuk memperbaiki kerosakan dan sebagainya akan ditolak dari pendapatan sewa yang diterima. Pengiraan cukai pendapatan hanya dikira berdasarkan baki pendapatan sewa rumah setelah semua perbelanjaan dan kos-kos terlibat ditolak.

RUMAH SAKIT KANAK-KANAK

9. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Kesihatan menyatakan apa telah terjadi kepada rancangan mendirikan satu-satunya "Rumah Sakit Kanak-kanak" (Children Hospital) di Kuala Lumpur yang terbengkalai dan adakah rumah sakit ini kurang mustahak.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Projek "Rumah Sakit Kanak-kanak" atau Jabatan Paediatric Baru di Hospital Besar Kuala Lumpur telah diberi peruntukan untuk terus dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Pembinaan dijadualkan bermula dalam tahun 1988 dan dijangka siap menjelang tahun 1991. Projek ini dirancang untuk 246 katil dan 85 "cots" dan lengkap dengan alat-alat dan kemudahan-kemudahan yang perlu. Anggaran kosnya ialah \$33.5 juta.

Kementerian Kesihatan sedar akan kepentingan menyediakan kemudahan yang sewajarnya khusus bagi perkhidmatan rawatan kanak-kanak

dan telah berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi projek itu.

Sementara menunggu projek ini disiapkan, 5 blok bangunan sementara yang dikosongkan oleh pihak Universiti Kebangsaan Malaysia di kawasan Hospital Besar Kuala Lumpur sedang diubahsuai untuk digunakan sebagai wad-wad Kanakanak. Kerja-kerja pengubahsuaian telah hampir selesai. Adalah diharapkan bahawa perkhidmatan di wad-wad itu akan dapat dimulakan sebelum akhir tahun ini.

PENIAGA SABAH DI PESTA DAGANGAN KANTON

13. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Perdana Menteri menyatakan bilangan peniaga-peniaga Sabah yang dipilih oleh PERNAS untuk menghadiri Pesta Dagangan di Kanton bagi tahun-tahun kebelakangan ini, dan bilangan pemohon-pemohon yang tidak berjaya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk tempoh tahun 1984 hingga 1987, sejumlah 252 orang peniaga dari Sabah telah memohon untuk menghadiri Pesta Dagangan di Kanton. Dari jumlah tersebut, seramai 167 orang peniaga atau 66% telah dipilih oleh PERNAS untuk menghadiri Pesta itu. Bilangan mereka yang tidak berjaya ialah 85 orang.

BUKU PANDUAN TELEFON DALAM BAHASA CINA

17. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapa Buku Panduan Telefon dalam Bahasa Cina untuk 1986 masih belum dicetak meskipun setelah jawapan yang diberi oleh Menteri

berkenaan di Dewan yang mulia ini pada 20-10-86 bahawa buku panduan tersebut dijangka akan dikeluarkan pada suku pertama tahun 1987.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Percetakan Buku Panduan Telefon adalah dibuat melalui kontrak. Malangnya kontraktor berkenaan telah gagal mencetaknya mengikut jadual. Buku Panduan Telefon dalam Bahasa Cina bagi Semenanjung Malaysia telah pun siap dicetak pada akhir bulan Oktober, 1987. Tindakan sedang diambil untuk mengedarkan buku panduan ini kepada semua kedai telekom. Adalah dijangka bahawa buku-buku Panduan Telefon ini boleh dibeli daripada kedai-kedai telekom selewat-lewatnya pada pertengahan bulan ini. Buku Panduan Telefon dalam Bahasa Cina bagi Sabah dan Sarawak pula sedang dicetak dan dijangka siap pada akhir bulan November, 1987.

PENYELUDUPAN DADAH DALAM PENJARA

19. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah hasil siasatan Jawatankuasa Khas ke atas penyeludupan dadah ke dalam penjara-penjara akan diumumkan kepada awam dan sama ada sebarang tangkapan telah dibuat selama ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu telah pun saya jawab bersama dengan soalan No. 7 dari Yang Berhormat Bukit Bintang pada 30-10-87. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan mengenainya.

RUMAH PEKERJA DI LADANG/ LOMBONG

20. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Buruh menyatakan sejauh

manakah "Rump Labour Code" dapat dilaksanakan bagi buruh-buruh di negara kita. Bolehkah beliau juga menyenaraikan dalam tahun 1986 dan 1987 kes-kes ataupun tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan di atas majikan-majikan yang tidak memenuhi kemudahan-kemudahan asas seperti air minuman yang tidak bersih, perumahan yang "out-dated" dan kemudahan kesihatan yang tidak mengikut peraturan-peraturan Kerajaan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):

Di bawah perbekalan "Rump Labour Code" (FMS. Cap 154) pihak majikan yang menyediakan rumah-rumah pekerja di ladang-ladang, lombong-lombong dan tempat-tempat pekerja lain adakah bertanggungjawab ke atas kesihatan pekerja-pekerja dan tanggungan mereka yang tinggal di tempat kediaman tersebut. Majikan-majikan yang berkenaan dikehendaki mengambil langkah-langkah yang perlu seperti mengadakan hospital dan peralatannya, mencegah malaria, menyediakan kemudahan pengangkutan bagi mengangkut pekerja-pekerja yang sakit ke hospital dan menguruskan pemeriksaan harian di rumah-rumah pekerja dengan kerjasama pembantu hospital.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, majikan-majikan yang menyediakan kemudahan perumahan kepada pekerja-pekerjanya juga dikehendaki mematuhi Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966 yang menetapkan peruntukan-peruntukan minima bagi rumah-rumah pekerja yang disediakan.

Hasil daripada pemeriksaan di bawah 2 undang-undang tersebut, sembilan orang majikan telah didakwa di bawah "Rump Labour Code" (FMS. Cap 154) dalam tahun 1986 manakala bagi tahun 1987 sehingga Jun, tiga orang majikan telah didakwa di bawah

undang-undang yang sama. Sementara itu seorang majikan telah didakwa di bawah Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966.

**PENYELUDUPAN DADAH
DALAM PENJARA**

21. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hal penyeludupan dadah dalam penjara dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menentukan perkara sedemikian dapat dibasmikan. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab terhadap kejadian tersebut. Setakat ini berapa orang telah dihukum.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu telah pun saya jawab bersama dengan soalan No. 7 dari Yang Berhormat Bukit Bintang pada 30-10-87. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan mengenainya.

**PENSWASTAAN MAKMAL UBAT
DAN STOR**

22. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian akan menswastakan perbekalan ubat-ubatan Hospital Kerajaan kepada United Engineers M. Bhd. Adakah Menteri sedar cadangan ini akan dijadikan muflis banyak syarikat-syarikat, termasuk syarikat bumiputera, yang kendali bekalan ubat ini sekarang, dan hanya UEM akan untung besar sahaja.

Dato' K. Pathmanaban: Soalan mengenai kemungkinan menswastakan Makmal Ubat dan Stor, Kementerian Kesihatan di Petaling Jaya telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kawasan Tanjung

dan saya telah menjawabnya pada 16-10-87 dalam Dewan ini.

Seperti yang disebutkan dalam jawapan saya tempoh hari, Kerajaan belum lagi membuat keputusan untuk menswastakan perbekalan ubat-ubatan Hospital Kerajaan. Perkara ini masih dalam kajian pihak United Engineers M. Bhd. yang membuat cadangan itu pada asalnya.

JALAN KAMPUNG DI LUAR BANDAR

23. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah beliau sedar bahawa jalan-jalan kampung di luar bandar terutama di Negeri Kelantan masih lagi dalam keadaan teruk. Adakah beliau bercadang untuk berusaha menambahkan lagi peruntukan bagi meningkatkan lagi jalan-jalan kampung di luar bandar dan berapakah jumlah peruntukan yang dibelanja setakat ini bagi kawasan Pasir Mas dan Kelantan keseluruhannya.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan memang sedar tentang keadaan jalan-jalan kampung di luar bandar termasuk juga di Kelantan. Walau bagaimanapun, keadaannya adalah bertambah baik dah masa ke semasa. Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk menambahkan lagi peruntukan dari masa ke semasa bagi menaikkan taraf jalan-jalan kampung di luar bandar. Bagi kawasan Pasir Mas sejumlah \$4,441,638 juga telah dibelanjakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) dan sejumlah \$2,434,248 telah dibelanjakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) setakat ini.

Jumlah peruntukan yang dikeluarkan bagi Negeri Kelantan dalam RME ialah \$29,944,000 dan dalam RML hingga kini ialah sebanyak \$19,116,152.

PENSWASTAAN SISTEM PERKHIDMATAN KESIHATAN

24. **Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa buahkah badan antarabangsa dan syarikat perunding yang telah ditawarkan pekerjaan penyelidikan penswastaan sistem perkhidmatan kesihatan di Malaysia; namakan badan dan syarikat ini;
- (b) bilakah badan dan syarikat bermula menjalankan penyelidikan dan berapakah perbelanjaan yang kena dibayar; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang mengumumkan keputusan penyelidikan ini, jika tidak mengapa.

Dato' K. Pathmanaban: Kerajaan belum ada cadangan untuk menjalankan penyelidikan mengenai penswastaan sistem perkhidmatan kesihatan secara keseluruhannya.

CUKAI EKSPORT ATAS ROTAN

25. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar cukai eksport sebanyak 100% yang dikenakan ke atas rotan dan bahan-bahan keluaran rotan telah menyebabkan kesusahan kepada hampir 20,000 orang yang bergantung kepada perdagangan rotan sebagai cara mencari rezeki dan bolehkah beliau memberi sebab-sebab di sebalik kadar cukai yang begitu tinggi yang menjejaskan kebajikan orang-orang asli dan penduduk-penduduk luar

bandar di seluruh negara dan mengapakah Kementeriananya mengumumkan kenaikan cukai eksport ini dengan tiba-tiba tanpa amaran yang menyebabkan ramai pengeksport-pengeksport dan pedagang rotan gagal menunaikan kontrak-kontrak luar negeri mereka yang mereka telah menandatangani terlebih dahulu dan ini pula menyebabkan mereka menghadapi tindakan mahkamah.

Tuan Loke Yuen Yow: Jawapan kepada soalan ini adalah sama seperti yang saya berikan pada 27-10-1987 ketika menjawab soalan dari Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai. Walau bagaimanapun saya suka menambah bahawa kesukaran yang dihadapi oleh pihak-pihak tertentu dijangka berlaku bagi jangka pendek sahaja kerana Kementerian saya sedang menimbang langkah-langkah sementara untuk membolehkan pengeksport-pengeksport rotan memenuhi pesanan-pesanan yang telah dibuat terlebih dahulu. Di samping itu langkah-langkah yang perlu juga sedang diambil untuk menentukan dasar Kerajaan mengenai pemerosan lanjut itu dijalankan dengan licin. Ketika ini sudah terdapat beberapa pengusaha-pengusaha dari Singapura dan Taiwan yang telah berhubung dengan pengusaha-pengusaha tempatan untuk melabur dalam projek-projek pemerosan rotan di Malaysia. Dengan terdapatnya pelaburan yang bertambah di dalam industri pemerosan rotan, permintaan terhadap rotan mentah tempatan akan bertambah dan dengan sendirinya akan menyelesaikan masalah-masalah peralihan yang dihadapi oleh pembekal-pembekal dan pengeksport-pengeksport rotan.

Pengumuman kenaikan cukai tidaklah wajar dihebahkan kerana ini akan menimbulkan keadaan yang tidak diingini seperti spekulasi dan salah guna.

PERBADANAN NIAGA FELDA— JUALAN KEPADA PENEROKA

26. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wajayah menyatakan:

- (a) mengapakah bekalan-bekalan yang dibeli oleh Perbadanan Niaga Felda (PNF) dan dijual kepada peneroka-peneroka dengan harga yang sama dengan harga pasaran dan adakalanya lebih tinggi;
- (b) apakah tujuan PNF ditubuhkan, siapakah pemilik-pemiliknya dan apakah jumlah keuntungan, kerugian dan dividen untuk tahun 1980-1986;
- (c) bukankah lebih cekap dan adil kalau PNF mengikut suatu dasar tidak beruntung tetapi hanya untuk menjual barang-barang dengan harga yang murah yang boleh memberi faedah yang lebih secara langsung kepada peneroka-peneroka;
- (d) mengapakah badan-badan berkanun yang mempunyai tugas yang hampir sama seperti FELDA, FELCRA dan RISDA tidak disatukan untuk mengurangkan kos perbelanjaan dan meningkatkan kecekapan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Pada keseluruhannya, harga di kedai-kedai PNF adalah lebih murah dari harga di kedai-kedai luar. Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Khidmat Pembangunan Masyarakat FELDA mendapati 55.5% daripada barang-barangan yang dijual di kedai-kedai PNF adalah lebih murah berbanding dengan harga di kedai-kedai luar. Hanya 20.0% daripada barang-barang

dijual dengan harga yang lebih tinggi sedikit, itu pun bukanlah terdiri dari barang-barang kawalan. Lokasi kedai-kedai PNF di rancangan-rancangan terpencil dan tidak ekonomik yang melibatkan kos pengangkutan yang tinggi, belian secara kredit dan bilangan peneroka yang kecil di beberapa rancangan menyebabkan kadangkala harga di kedai-kedai PNF tinggi sedikit dari pasaran.

- (b) Perbadanan Niaga FELDA (PNP) ditubuhkan dalam tahun 1972, sebagai sebahagian daripada "Package Deal" atau pendekatan "integrated" FELDA dalam program pembukaan tanah dan penempatannya. Peranan PNP dalam konteks ini ialah membekal barang-barang makanan dan keperluan harian untuk masyarakat di rancangan-rancangan, dari mula sesebuah rancangan itu dibuka. Modal PNP adalah dimiliki oleh Koperasi Permodalan FELDA (49%), Tabung-tabung Peneroka (41%) dan FELDA (10%). Jumlah keuntungan terkumpul sehingga 31 Disember, 1986, Perbadanan Niaga FELDA adalah sebanyak \$24.028 juta, manakala jumlah dividen yang telah dikeluarkan dari tahun 1982 hingga 1986 berjumlah \$8.179 juta.
- (c) Sebagai sebuah badan perniagaan, sudah tentulah PNF memerlukan sedikit keuntungan bagi membiayai kos pengurusan untuk meneruskan khidmatnya kepada masyarakat FELDA dengan baik dan sempurna. Lagipun, PNP menjalankan aktiviti perniagaannya tanpa mendapat subsidi dari mana-mana pihak mahupun Kerajaan. Di samping itu, 54% daripada

jualan PNP adalah terdiri daripada barang-barang kawalan dengan harganya telah pun ditetapkan oleh Kerajaan seperti beras, gula, tepung, susu bayi serta gas memasak yang memberi keuntungan yang rendah. Keuntungan bagi tahun 1986 yang berjumlah \$4.02 juta merupakan 2% sahaja daripada jualan \$197 juta. Keuntungan inilah yang diperlukan untuk memaju dan memperluaskan lagi perniagaan PNF bagi memainkan peranannya di rancangan-rancangan baru yang dibuka setiap tahun.

- (d) Badan-badan berkanun seperti FELDA, FELCRA dan RISDA yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen yang berasingan mempunyai bidang tugas yang khusus. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan pada 1 Julai, 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dengan tugas utamanya ialah membuka dan memajukan tanah untuk dijadikan kawasan perladangan dan menempatkan rakyat yang tidak bertanah atau memiliki tanah yang tersangat kecil dengan tujuan untuk meningkat taraf hidup mereka.

Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) pula ditubuhkan pada 1 April, 1966 di bawah Akta (memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966 yang mana tugas utamanya ialah untuk menyatukan dan memulihkan atau memajukan tanah terbiar (termasuk tanah dalam kawasan penempatan beramai-ramai). Manakala Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan

Getah (RISDA) ditubuhkan pada 1 Januari, 1973 di bawah Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Perusahaan Getah, 1972 dengan tugas untuk memajukan lagi sektor pekebun kecil getah dengan tujuan untuk meningkatkan keadaan ekonomi pekebun-pekebun kecil.

Oleh itu, soal menyatukan ketiga-tiga Agensi ini buat ketika ini tidak timbul.

KURSUS PILIHAN DI UNIVERSITI MALAYA

27. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada dicadangkan atau tidak untuk memansuhkan kebenaran cadangan Senat Universiti Malaya oleh Fakulti Sastera dan Sosial Sains yang bahagian-bahagian pelajaran Inggeris, Cina dan India menawarkan pilihan (kursus-kursus tambahan) hanya dalam Bahasa Malaysia kepada pelajar-pelajar yang tidak berkhusus (majoring) di bahagian-bahagian ini. Jika tidak, mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus pilihan Universiti Malaya adalah urusan akademik universiti berkenaan. Oleh itu Kementerian Pendidikan telah menyerahkan perkara tersebut untuk pihak universiti menimbangkan keputusan yang dibuat oleh Senatnya itu.

BANDAR BARU DI PAHANG TENGGERA

28. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bilangan bandar-bandar baru, penduduknya serta rumah-rumah yang dibina di Pahang Tenggara berbanding dengan objektif Pelan Induk Pahang Tenggara asal yang ingin mewujudkan 36 buah bandar dengan bilangan penduduk

sebanyak setengah juta, dan nyatakan bilangan rumah-rumah yang belum didiami dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah "bandar hantu" di DARA.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1980 lagi DARA telah mula mengubahsuai Pelan Induk Pahang Tenggara yang asal. Pengubahsuaian itu dilakukan untuk memenuhi keperluan/keadaan yang sentiasa berubah. Berikutan dengan itu, DARA tidak lagi merancang untuk mewujudkan 36 buah pusat-pusat penempatan baru. DARA hanya mewujudkan 17 buah pusat penempatan baru yang mana jumlah penduduk-penduduk bagi pusat-pusat penempatan itu ialah 86,600 orang atau 54% dari jumlah keseluruhan penduduk kawasan DARA. Bilangan rumah yang telah siap dibina oleh DARA sehingga sekarang ialah 2,111 buah dan dari ini, 631 buah belum didiami.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat juga, apa yang dianggapkan sebagai "bandar hantu" sebenarnya ialah pusat-pusat penempatan di mana rumah-rumah yang siap dibina belum lagi didiami orang. Ini adalah disebabkan sebahagian daripada rumah-rumah yang didirikan oleh DARA itu, kebanyakan kawasan keliling (hinterland) bandar-bandar tersebut adalah terdiri daripada ladang-ladang swasta di mana ladang-ladang berkenaan menyediakan rumah-rumah untuk pekerja-pekerjanya. Bagi mengatasi keadaan ini, DARA telah meminta kerjasama dari pengurus-pengurus ladang swasta supaya menempatkan para pekerja-pekerjanya di rumah-rumah yang telah sedia ada di pusat-pusat penempatan yang berkenaan. Pekerja-pekerja ladang itu juga digalakkan untuk membeli rumah-rumah tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG

3.35 *ptg.*RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN
1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sesebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu sejumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,844,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (30hb Oktober, 1987).

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari SibU sambung.

Tuan Tieu Sung Seng (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mulai dari kalimat yang terakhir dalam ucapan saya pada hari Jumaat lalu.

Untuk faedah, kepentingan dan kesihatan murid-murid yang berkenaan, hampir 100% adalah orang bumiputera. Kerajaan haruslah mengkaji semula sistem itu dan mengambil tindakan dengan segera untuk menggantikannya dengan satu sistem baru yang boleh tetap menjamin bahawa tiada sebarang apa-apa pun eksploitasi akan dibenarkan perihal peruntukan ration makanan bagi murid-murid di semua sekolah berasrama di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu membayangkan bahawa perasaan hangat rakyat SibU makin lama makin tinggi kerana pembinaan hospital baru SibU belum dimulakan lagi. Projek ini adalah dijanjikan pada tahun 1972 dan diumumkan kelulusannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada tahun 1986. Tidak lama lagi kita akan masuk ke tahun 1988, tetapi kononnya projek hospital baru SibU mungkin diketepikan sekali lagi. Projek hospital baru Teluk Intan yang berharga lebih \$100 juta dan mempunyai 600 katil telah selesai pada bulan April tahun ini. Jika SibU dibandingkan dengan Teluk Intan, baik dari segi bilangan penduduk mahupun dari segi keperluan perkhidmatan kesihatan dan perubatan, tidak patut SibU ditinggalkan. Apa lagi lebih setengah juta penduduk telah ditolak menikmati perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh didatangkan dengan penyelesaian projek hospital baru SibU. Walaupun pihak yang berkenaan telah komit hanya \$30 juta bagi projek SibU untuk Fasa Pertama, tetapi pada hari ini peruntukan itu masih disimpan atau ditahan oleh Menteri Kewangan dengan maksud yang diketahui oleh beliau sendiri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya rakyat Sarawak diberikan penghormatan yang sewajarnya dan jangan sekali menganggap kami rakyat Sarawak sebagai orang ulu atau orang koloni, Politik Federalism adalah merbahaya dan langsung tidak sesuai dengan polisi integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan saya di SUPP.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Sibü, sekejap. Yang Berhormat hendak beri penjelasan atau minta penjelasan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan. Boleh beri?

Tuan Tieu Sung Seng: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak beri. Teruskan Yang Berhormat,

Tuan Tieu Sung Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan saya di SUPP merasa sangat bosan dan marah apabila subjek lapanganterbang baru Sibü dipersoalkan di peringkat semua lapisan masyarakat Sibü kerana projek itu telah ditangguhkan terlalu lama dan ini adalah kali yang ketiga saya menyentuhnya di Dewan yang mulia ini. Dialog yang baru-baru diadakan di Sibü antara pegawai-pegawai dari pihak yang berkenaan dan wakil-wakil dari pelbagai lapisan rakyat Sibü boleh membuktikan betapa marah dan hangat perasaan rakyat Sibü terhadap Kerajaan Pusat mengenai projek tersebut.

Nampaknya ada alamat-alamat menunjukkan bahawa pihak

Persekutuan sedang mencari cara-cara atau excuses, dengan izin, untuk memindahkan projek Lapanganterbang Baru Sibü ke satu negeri lain di Semenanjung.

Kira-kira kurang lebih setengah juta orang di Bahagian Ketiga, Keenam dan Ketujuh yang menggunakan Lapanganterbang Sibü yang ada sekarang untuk membuat perjalanan ke Kuala Lumpur dan luar negeri. Adakah Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet sedar bahawa kerap kali kami diberitahu penerbangan-penerbangan adalah "fully booked", dengan izin, apabila kami ingin pergi ke Kuching atau balik ke Sibü dari Kuching? Ini adalah satu phenomenon harian. Kenapakah pihak berkuasa tidak memahami atau tidak mahu memahami kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh rakyat yang hendak keluar dan balik melalui Lapanganterbang Sibü dari kawasan-kawasan tersebut di atas?

Lapanganterbang Sibü adalah satu "exit" yang tunggal bagi semua penduduk di Bahagian Ketiga, Keenam dan Ketujuh yang diduduki oleh setengah juta orang yang berbilang kaum. Tidakkah hakikat-hakikat ini mencukupi meyakinkan Kerajaan Barisan Nasional bahawa pembinaan dengan segera Lapanganterbang Baru Sibü adalah satu perkara yang penting dan perlu diutamakan dan tidak boleh ditangguhkan atau dipindahkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan besar utama di Sarawak adalah satu jalan raya yang tunggal dan terpenting untuk pembangunan ekonomi negeri Sarawak. Panjangnya adalah 989 kilometer dan hanya 345 kilometer telah di "tarsealed", iaitu cuma 35% yang mempunyai muka bitumen, dengan izin. Saya difahamkan untuk memberikan semua bahagian yang belum di "tarsealed" (kurang lebih 644 kilometer) muka tar, kami

memerlukan peruntukan kewangan sebanyak \$650 juta dari Kerajaan Pusat. Mengikut kadar peruntukan yang diberikan tiap-tiap tahun untuk beberapa tahun yang lepas iaitu kurang lebih \$65 juta setahun sahaja, kerja pemberian muka tar akan mengambil masa sekurang-kurangnya 10 tahun.

Saya difahamkan juga bahawa di Semenanjung tidak kurang daripada 80% semua jalan raya termasuk jalan-jalan yang kecil telah lama di "tarsealed". Keadaan di Sabah pun lebih baik daripada Sarawak walaupun penduduk-penduduk dan luasnya kawasan Sabah adalah lebih kurang daripada Sarawak. Saya minta Kerajaan Persekutuan memberikan negeri Sarawak layanan yang sama dan menambahkan peruntukan kewangan sampai \$150 juta tiap-tiap tahun untuk meneruskan kerja pemberian muka tar ke semua jalan besar utama di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya, sebagai seorang warganegara Malaysia dan sebagai seorang Ahli Parlimen Malaysia, mengesali mengatakan bahawa saya merasa sangat sedih, kecewa dan juga malu melihat negara kita sedang menghadapi berbagai masalah yang serius dan masalah-masalah itu mungkin boleh menghancurkan segala aspirasi dan hasrat yang kita semua impi-impikan. Dengan perkataan-perkataan yang lain, situasi kita boleh dikatakan bahawa "Antan patah, lesung hilang". Our future, dengan izin, tidak sebegitu optimistik sebagai yang difikirkan oleh sebahagian orang yang berada di dalam golongan yang berkuasa.

Sekiranya masalah-masalah itu tidak dapat diselesaikan dengan serta-merta, sudah barang tentu satu krisis kebangsaan yang serius sekali akan timbul dengan akibat-akibat buruk yang tidak diharapkan kepada sesiapa pun. Meskipun demikian, saya

mempunyai keyakinan yang besar, jika para pemimpin kita termasuk pemimpin parti Pembangkang boleh bekerjasama dan bersatupadu dengan tulus dan ikhlas menggunakan segala tenaga dan resources yang ada untuk mencari resolusi-resolusi yang boleh mendatangkan penyelesaian-penyelesaian yang sempurna serta menjamin keselamatan negara, perpaduan dan keharmonian rakyat, keadilan masyarakat dan kemakmuran untuk semua rakyat Malaysia, bahawa kebanyakan masalah itu, jika bukan semua, akan diselesaikan. Biarlah kita semua berhambakan tangan, bersaksikan mata, berhakimkan hati.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa-peristiwa yang baru-baru berlaku di negara kita ekoran bantahan kaum Cina terhadap periantikan guru-guru besar dan guru-guru penolong kanan di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina adalah sangat membimbangkan kepada seluruh rakyat Malaysia yang mencintai keamanan dan keharmonian rakyat di negara kita. Pemimpin-pemimpin kita harus berfikir dan mengkaji dengan fikiran tenang tanpa emosi mengapa isu itu boleh mengakibatkan reaksi-reaksi yang keras dan hangat dari kaum Cina dan kaum Melayu,

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran Bahasa Cina di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina telah terjamin oleh Perlembagaan Persekutuan dan Manifesto Barisan Nasional. Orang-orang Cina selama ini memang menganggap pelajaran Bahasa Cina sesuci dan penting sebagai orang-orang Melayu menganggap agama Islam. Oleh yang demikian, nescayalah orang-orang Cina tidak akan menerima perlantikan guru-guru besar dan guru-guru penolong kanan yang tidak berpendidikan bahasa Cina di Sekolah-sekolah Rendah mereka semata-mata kerana mengkhawatiri perubahan character sekolah-sekolah

mereka. Perasaan dan kekhawatiran orang-orang Cina itu beralasan, adil dan saksama. Malangnya, isu itu telah dibesar-besarkan dan dipergunakan oleh pihak-pihak yang tertentu untuk keuntungan politik mereka sendiri sahaja.

Isu itu adalah satu isu yang melibatkan kaum Cina pada keseluruhannya. Itu bukan satu isu perkauman, bukan satu isu orang-orang Cina menentang orang-orang Melayu atau orang-orang Cina mempersoalkan hak-hak atau maruah orang Melayu. Bukan, langsung bukan, Tuan Yang di-Pertua. Tentulah juga orang-orang Melayu tetap tidak akan menerima guru-guru besar dan guru-guru penolong kanan.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sib, tunggu sekejap. Ada yang bangun.

Tuan Tieu Sung Seng: Tidak berilah.

Tuan Zubir bin Embong: Takut!

Tuan Tieu Sung Seng:tetap tidak akan menerima guru-guru besar dan guru-guru penolong kanan yang tidak berpendidikan Bahasa Malaysia ditempatkan di sekolah-sekolah mereka.

Saya berharap bahawa pemimpin-pemimpin UMNO khasnya dan pemimpin-pemimpin masyarakat Melayu amnya memahami perasaan kaum Cina akan pendidikan bahasa Cina dan menolong menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Saya berharap juga bahawa pemimpin-pemimpin Cina dalam Barisan Nasional khasnya dan pemimpin-pemimpin masyarakat Cina amnya, mestilah percaya bahawa isu kaum Cina itu bolehlah diselesaikan tanpa raengambil sebarang tindakan yang keras lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan tahun 1988 dengan pemerhatian-pemerhatian yang saya sebutkan di atas.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

3.49ptg.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dua tiga hari yang lalu.

Saya sependapat dengan rakan-rakan yang lain dan melihat bahawa Belanjawan yang dibentangkan itu adalah satu Belanjawan yang sederhana sifatnya dan tidak membebankan rakyat jelata dan memberi harapan kepada peniaga-peniaga kecil dan kita mengharapkan semoga Belanjawan itu akan memberikan suatu perubahan kepada pembangunan ekonomi di negara kita dan di dalamnya terdapat strategi-strategi untuk raengukuhkan pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, di akhir ucapan, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa ia mengharapkan semoga isu-isu perkauman, isu-isu sensitif tidak dimainkan oleh rakyat di negara ini kerana ianya boleh membangkitkan ketegangan kautn, boleh merenggangkan perhubungan kaum yang kelakinya akan menjejaskan ekonomi di negara kita. Saya rasa gembira dan suka hati apabila Yang Berhormat dari Tanjong, walaupun dia tidak ada dalam Dewan pada hari ini, telah memberikan harapan bahawa DAP akan bekerjasama dengan Kerajaan untuk memastikan isu-isu perkauman, isu-isu sensitif yang seperti

itu tidak dibangkitkan, tidak wujud di negara kita. Tetapi apabila saya berfikir dan melihat sejarah DAP, saya merasa ragu-ragu dengan janji-janji yang telah diberikan oleh Ketua Pembangkang, walaupun ianya kemudian diulang lagi oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Kerana apabila kita melihat daripada apa yang telah dilakukan oleh DAP selama ini, nampaknya janji itu tidak pernah ditepati dan bolehlah apa yang diucapkan Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang memberikan janji-janji manis dalam Dewan yang mulia ini, tidak lebih sebagai menanam tebu di bibir sahaja. Apabila di luar Dewan, dia bercakap lain, dalam Dewan dia bercakap lain.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dihadapkan dengan beberapa isu yang boleh membangkitkan ketegangan hubungan kaum di negara ini, seperti isu peribumi misalnya, isu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, isu bahasa, isu pakaian, isu songkok dan beberapa isu-isu yang lain yang telah menerbitkan perasaan marah di kalangan kaum, terutamanya di kalangan orang-orang Melayu kerana mereka merasakan bahawa mereka dicabar dengan isu-isu seperti itu.

Saya melihat bahawa parti-parti politik, terutama parti Pembangkang, termasuklah juga parti komponen dalam Barisan Nasional gagal membezakan yang mana dia yang sepatutnya dijadikan isu politik dan mana dia isu pentadbiran. Kadangkala oleh kerana mereka sudah bankrap dengan modal politik, sudah tidak ada lagi modal politik, mereka cuba mempolitikkan isu-isu pentadbiran. Sebab itu pada pandangan saya, isu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina merupakan isu pentadbiran semata-mata. Ia tidak sepatutnya dipolitikkan oleh golongan-golongan ahli-ahli politik seperti DAP ataupun

lain-lain parti dalam komponen Barisan Nasional.

Baru-baru ini saya bimbang, kalau kita melihat bahawa sudah ada satu lagi isu pentadbiran yang mahu dipolitikkan oleh parti MCA. Walaupun MCA itu dalam Barisan Nasional, terpaksa saya sebutkan perkara ini. Dalam laporan akhbar yang bertarikh 27-10-87—*The New Straits Times*, saya petik:

"promotion exercise not fair, says MCA youth".

Dahulu isu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina kerana mahu menaikkan pangkat Guru-guru Besar dan juga Penolong Kanan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, maka isu itu yang sebenarnya isu pentadbiran digunakan oleh parti DAP, digunakan oleh parti-parti yang mahukan populariti, maka dia telah mengeksploitasi isu itu sebegitu rupa dan menjadikan rakyat, menjadikan kaum yang berkenaan merasa terusik, tersangkut dengan peranan yang dimainkan oleh mereka sehingga menimbulkan ketegangan kaum yang begitu rupa.

Bagi orang-orang Melayu, dia tidak melihat isu itu sebagai isu politik, tetapi cara, manners, dengan izin, yang ditunjukkan oleh orang-orang bukan Melayu, cara mereka mempersembahkan isu itu adalah seperti mencabar kewibawaan mereka, mencabar kedudukan mereka, mencabar hak mereka di negara ini. Maka dengan sebab itu, mereka bertindak balas. Saya merasa hairan apabila ada setengah-setengah pemimpin-pemimpin parti politik, terutamanya daripada DAP mengatakan bahawa ini isu orang-orang Cina semata-mata. Kita tidak mempersoalkan isu yang dibawa. Kita mempersoalkan cara mereka membawa isu tersebut. Oleh kerana isu

ini merupakan rintitan daripada beberapa isu yang telah berlalu seperti isu peribumi, isu saman Sultan, isu bahasa dan sebagainya merupakan rintitan daripada isu-isu itu, maka kita melihat isu inilah kemuncak daripada tindakan orang-orang bukan Melayu yang cuba mahu mempersoalkan kedudukan dan kewibawaan serta hak dan maruah orang-orang Melayu di negara ini.

Janganlah kita marah apabila orang Melayu menunjukkan reaksi mereka terhadap tindakan yang dibawakan oleh orang-orang bukan Melayu. Saya suka mengingatkan bahawa isu yang saya sebutkan sebentar tadi, "promotion exercise not fair", sebagaimana dilaporkan dalam akhbar pada 27-10-87 ini, mungkin akan dipolitikkan sekali lagi oleh pemimpin-pemimpin yang telah bankrap isu politik mereka. Saya juga ingin mengingatkan bahawa kalautah isu itu merupakan isu politik, kita serahkan kepada badan pentadbir untuk menyelesaikannya. Jangan kita cuba campur tangan, jangan cuba hendak tunjuk pandai, mengajar golongan-golongan pentadbir bagaimana mahu menyelesaikan sesuatu isu, Tidak mungkin dalam negara yang terdiri daripada herbilang kaum dan bangsa ini kita dapat memuaskan hati semua orang. Tentulah satu keputusan yang dibuat itu akan menyebabkan satu kumpulan atau satu golongan berasa tidak puashati dengan keputusan yang dibuat oleh golongan pentadbir. Tetapi kalau ianya satu isu politik, terutamanya dalam konsep Barisan Nasional, saya tidak nampak isu itu mesti dikeluarkan. Ia seharusnya diselesaikan dengan semangat syurah, semangat mesyuarah yang telah bertangsong beberapa lama sejak dahulu lagi.

Maka oleh kerana golongan-golongan orang-orang bukan Melayu seperti DAP ini, apabila dia telah gagal

mempergunakan Dewan ini sebagai satu platform untuk menyuarakan pandangan dan pendapat mereka, baru-baru ini satu perkembangan yang terbaharu parti DAP telah cuba mempergunakan beberapa pertubuhan dan persatuan-persatuan yang berdaftar secara sah untuk tujuan membentuk satu public opinion, dengan izin. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang telah diperkudakan oleh DAP ialah seperti Bar Council, Aliran, Sahabat Alam dan beberapa lagi pertubuhan-pertubuhan yang lain. Maka di sini saya ingin cuba memperkatakan soal Bar Council.

Tuan Yang di-Pertua, Bar Council ini ialah satu pertubuhan yang dianggotai oleh peguam-peguam seluruh negara kita. Buat masa sekarang ini, peguam-peguam yang ada di negara kita lebih kurang berjumlah 2,400 orang di Malaysia Barat—ini tidak termasuk Malaysia Timur. Saya juga merupakan salah seorang ahli kepada Bar Council. Selama enam tahun saya menjadi ahli Bar Council, Majlis Peguam Malaysia, saya tidak merasa dan tidak melihat apakah faedah yang saya perolehi daripada menjadi ahli Bar Council. Secara obediently, loyally, dengan izin, membayar yuran tahunan kepada Bar Council. Tetapi satu faedah pun saya tidak rasai selain daripada oleh kerana tugas Bar Council ini ialah mengeluarkan Sijil Annual kepada tiap-tiap ahli yang membayar yuran dan kalau yuran tidak dijelaskan, maka Bar Council tidak akan mengeluarkan Sijil Annual. Itu sahaja tugas Bar Council. Kalau Sijil Annual ini tidak diambil oleh mana-mana peguam, maka mereka tidak mungkin dapat diberi Practising Certificate, dengan izin, oleh Mahkamah Tinggi. Maka mahu atau tidak mahu terpaksa mereka menjelaskan yuran tahunan kepada Bar Council, tetapi jasa kepada ahli-ahli Bar Council tidak ada, maka dengan sebab itu sudah ada golongan-golongan di kalangan peguam-peguam

yang cuba mempersoalkan kewibawaan Bar Council.

Saya boleh beri contoh. *The New Straits Times* bertarikh 20-10-1987 "No Guideline on Making Claims," saya baca, dengan izin:

"Will the Bar Council or the other authorities take action against the delinquent lawyers? Why should 2,500 lawyers pay for the crimes of 12 lawyers? Are their properties seized to meet such liabilities?"

Kemudian di baris yang lain pula:

"What is the basis of the appointments of the 12 tribunals adjudicators and under what provisions of the law are they appointed?"

Sudah cukup dengan surat kepada Editor, *The New Straits Times* ini menggambarkan pandangan masyarakat terhadap Bar Council dan mereka mempertikaikan kewibawaan Bar Council di dalam tugas mereka, tanggungjawab mereka terhadap masyarakat di negara ini. Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, satu kempen telah diadakan di kalangan Ahli-ahli Majlis Peguam Malaysia, satu surat yang bertajuk "Campaign for a Better Bar" oleh Lee Min Choon.

Kalau kita melihat pada tajuk "Campaign for a Better Bar" ertinya pada masa sekarang ini we have a bad Bar. Itu ertinya. "Campaign for a Better Bar" memberi erti bahawa pada masa sekarang kita mempunyai suatu Majlis Peguam yang tidak baik, sebab itu perlunya kepada Campaign for a Better Bar. Perkara ini mestilah dilihat dengan serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa dalam Seksyen 42 Legal Profession Act telah memperuntukkan tujuan kenapa Bar Council itu

ditubuhkan. Saya baca di sini, dengan izin:

"*Object and Powers of the Bar*": The purpose of the Malaysia Bar shall be:

- (a) to uphold the course of justice without regard to its own interest or that of its members uninfluenced by fear or favour;
- (b) to maintain and improve the standard of conduct and learning of the legal profession in Malaysia;
- (c) to facilitate the acquisition of legal knowledge by members of the legal profession and others;"

Dan lebihkurang sampai (m) tugas dan skop, tujuan kenapa Bar Council ditubuhkan di bawah seksyen 42 Legal Profession Act 1976.

Di sini kita ingin bertanya kenapa Bar Council gagal menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Saya melihat ialah kerana President Bar Council, walaupun ianya seorang peguam, tetapi ia mempunyai cita-cita politik yang tinggi dan pada pandangan saya daripada statements, kenyataan-kenyataan akhbar yang dibuat oleh President Bar Council seolah-olah yang mahu mempergunakan Bar Council sebagai platform politiknya untuk mempopularkan dirinya sebagai seorang ahli politik tanpa memperduli tugas dan tanggungjawabnya sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 42 Legal Profession Act 1976, sebab daripada apa yang saya diberitahu orang yang bernama Param Cumaraswamy iaitu President Bar Council, apabila dia keluar negeri, dia telah menghentam dan telah mengkritik sistem Kerajaan dan sistem demokrasi yang ada di negara ini.

Kedua, daripada beberapa kenyataan akhbar yang baru lalu dia memberitahu bahawa dia akan membawa kes ke Mahkamah bersabit 200 orang

yang gagal memperoleh hak kewarganegaraan di negara ini. Apa sangkut-pautnya dengan tugas Bar Council, kenapa Bar Council di bawah pimpinannya tidak mahu berikhtiar bagaimana mahu meningkatkan etika kerja peguam-peguam di Malaysia? Kenapa dia tidak mahu membuatkan satu badan untuk mengajar masyarakat tentang hak mereka di sisi undang-undang, kenapa hal-hal yang bersangkutan dengan polisi Kerajaan, hal-hal yang bersangkutan dengan politik yang mahu diungkit dipersoalkan? Maka dengan sebab itu saya menyatakan bahawa Param Cumaraswamy ini telah cuba mempergunakan Bar Council sebagai platform untuk tujuan politik dan kepada Param Cumaraswamy, saya suka menyatakan kalau hendak berpolitik—berhenti, jangan jadi President Bar Council, ramai lagi orang lain boleh jadi President Bar Council, letak jawatan, keluar bertanding dalam pilihanraya, kalau hendak bertanding di kawasan saya pun boleh, di Kuala Terengganu, kita boleh arrange, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kepada mana-mana peguam yang cinta kepada keadilan dan ingin melihat supaya apa yang berlaku dalam Bar Council itu dapat diperbetulkan. Saya ingin menyeru kepada mereka, cross-examine your President, cross-examine Bar Council, dengan izin, supaya dengan cara yang sedemikian sahajalah maka kita dapat memperbaiki dan memperbetulkan Bar Council dan dengan demikian akan berjalan di atas landasan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 42 Legal Profession Act 1976.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau ditanya kepada saya, apakah saya mahu kalau diberi kebebasan untuk menjadi ahli Majlis Peguam atau tidak? Dengan terang-terang saya akan menjawab, Tuan Pengerusi, bahawa saya tidak sudi dan

tidak mahu menjadi ahli Majlis Peguam, kalau diberi kebebasan kepada saya, tetapi malangnya peruntukan di bawah Legal Profession Act 1976 ini telah memaksa saya menjadi ahli Majlis Peguam di bawah Seksyen 43, Advocates and Solicitors, members of the Bar.

Di bawah Article 10, kalau tidak silap saya dalam Perlembagaan Malaysia, "Freedom of speech, assembly and association. Saya melihat oleh kerana Seksyen 43 ini telah menetapkan semua peguam di Malaysia Barat menjadi ahli Majlis Peguam dan dengan sebab itu mereka terpaksa membayar yuran tahunan kepada Majlis Peguam, dengan hanya membayar yuran tahunan sahajalah mereka akan diberikan Sijil Annual dan dengan memperoleh Sijil Annual sahaja barulah boleh mereka mendapat Practising Certificate daripada Mahkamah Tinggi, tidak ada jalan keluar bagi mana-mana peguam untuk tidak boleh menjadi ahli Majlis Peguam, tetapi dengan peruntukan Article 10 Freedom of speech, assembly and association:

Article 10 (1) (c): "all citizens have the right to form associations".

Maka kalau ia mengatakan all citizens have the right to form associations, maknanya juga kita boleh baca, "all citizens have the right not to form associations", sama ada hendak bentuk kesatuan ataupun tidak membentuk kesatuan. Saya tidak tahu sama ada hujah saya ini well-founded, dengan izin, ataupun tidak. Tetapi saya cuba membayangkan bahawa oleh kerana peruntukan undang-undang yang begitu rupa, dengan apa yang telah diperuntukkan di bawah Artikel 10 seolah-olah ia telah memperlihatkan pertentangan dan mengikut konsep undang-undang kalaulah ada pertentangan di antara peruntukan undang-undang dengan peruntukan perlembagaan maka peruntukan perlembagaanlah yang tepat.

Saya suka menyeru kepada mana-mana peguam di Malaysia ini, tidak kira keturunan apa, tidak kira bangsa apa, kalau mereka ingin cuba mempertikaikan atau melihat dan merasa dukacita dengan kedudukan Bar Council sekarang maka saya suka meminta mereka yang cintakan kepada keadilan supaya membawa kes ini ke mahkamah dan pertikaikan dari segi Constitutionality, dengan izin, Seksyen 43 Legal Profession Act kerana ianya bertentangan dengan Artikel 10 (1) (c) Perlembagaan Malaysia.

Saya kira tentu ada di antara peguam-peguam lain mungkin sependapat dengan saya yang tidak suka duduk di bawah Bar Council dan saya minta supaya Kementerian Kehakiman menilai kembali, mengkaji kembali peruntukan ini dan kalaulah ianya bertentangan dengan Perlembagaan maka hendaklah dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sebut ialah mengenai masalah undang-undang yang berkaitan dengan Bar Council ialah pengiktirafan graduan-graduan undang-undang yang mahu melakukan pengalaman undang-undang di negara ini.

Buat pada masa sekarang ini kita telah ada lebih kurang 4 institusi pengajian tinggi yang telah mengeluarkan graduan undang-undang di negara kita. Pertamanya ialah Universiti Malaya, keduanya Universiti Islam Antarabangsa dan ketiganya Universiti Kebangsaan yang mana mungkin first batch, dengan izin, sekarang ini dalam tahun dua, dan keempatnya ialah Diploma Lanjutan daripada Institut Teknologi MARA.

Oleh kerana pasaran peguam di negara kita sekarang ini boleh dikatakan sudah melebihi daripada apa yang telah diharapkan maka saya tidak nampak lojiknya untuk kita terus

membuka pintu kepada pemegang-pemegang ijazah daripada luar negeri. Mungkin ijazah daripada London University ataupun daripada Inns London kerana kita mempunyai perhubungan tradisi, mungkin sukar untuk kita menghapuskan, tetapi saya mahu bertanya kepada Kementerian Kehakiman di mana lojiknya apabila mereka membenarkan pemegang-pemegang ijazah daripada Universiti Nasional Singapura, Ijazah Universiti Singapura dan juga Universiti Malaya di Singapura.

Kenapa tiga buah universiti ini diiktiraf oleh Kerajaan kita, sedangkan Kerajaan Singapura hanya mengiktiraf ijazah undang-undang Universiti Malaya sahaja. Maka saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya melihat dan mengkaji kembali pengiktirafan yang telah diberikan kepada ketiga-tiga buah universiti tersebut. Semoga kita mengharapkan dengan cara yang sedemikian pasaran peguam di negara kita ini tidak melambak, dan iniihah untuk menjaga mutu profesion guaman di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lain yang ingin saya sebutkan di sini ialah masalah unsur tradisi dalam Perlembagaan kita. Unsur tradisi dalam Perlembagaan kita ini saya ertikan ialah unsur-unsur yang memang sudah sedia terdapat di dalam negara kita sebelum daripada Perlembagaan ini dibuat. Unsur-unsur ini merupakan suatu unsur yang sudah ada, yang sudah berpaksi di dalam sistem politik dan juga sistem Kerajaan. Saya ingin membangkitkan soal unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan ini adalah kerana masih ramai orang melupakan atau cuba mahu melupakan unsur-unsur tersebut terutamanya di kalangan orang-orang bukan Melayu mungkin kerana jarak kemerdekaan telah jauh dengan kita—30 tahun maka kecenderongan untuk melupakan unsur-unsur tersebut telah semakin jetas sekarang ini maka

biarlah saya menyebut perkara ini semoga dalam Dewan yang mulia ini ia akan menjadi ingatan yang bertulis.

Mengikut pendapat Lord President, Tun Salleh Abas, dia menyatakan bahawa unsur ini sebagai, dengan izin, "It must have been the thought of its premise that these traditional elements are essential for the stability and progress of the country and, more important roles to play in the working of the Constitution."

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menerima pandangan dan pendapat yang dikemukakan oleh Lord President ini maka ternyatalah bahawa keempat-empat unsur ini mesti dipertahankan walau seberapa mahal harganya, tidak kira kerana ia merupakan satu faktor yang memainkan peranan untuk kestabilan serta pembangunan di negara ini, tidak mungkin kalau satu daripada unsur-unsur tradisi ini dipecat, dibuang maka mungkin ia akan membantu kestabilan serta membantut bangunan di negara kita. Maka dengan sebab itu ianya mesti dipertahankan. Bagaimana kita mahu mempertahankannya kalau kita tidak mempunyai pengetahuan tentang element tradisi dalam Perlembagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tradisi yang pertama dalam Perlembagaan ini ialah Kesultanan Melayu. Kesultanan Melayu ini merupakan suatu institusi yang telah wujud sejak daripada 400 tahun yang lampau. Kalau diambil sejarah Melaka, Kesultanan Melayu Melaka, bagaimana ia melambangkan kekuasaan Sultan Melaka dan bukan sahaja untuk negeri Melaka bahkan ia boleh mengembangkan Empire Melaka pada waktu itu dan inilah dia bukti yang paling jelas menunjukkan bahawa negara ini dipunyai oleh orang-orang Melayu, tidak ada satu Sultan pun di negara ini yang terdiri daripada orang-orang bukan Melayu. Maka saya ingin jelaskan kepada Yang Berhormat dari Jelutong yang pernah

mengungkitkan bahawa negara ini didiami oleh Orang-orang Asli dan Orang-orang Asililah orang-orang yang pertama yang menjadi bumiputera di negara ini.

Sebenarnya dalam kajian sociology dan anthropology apabila sesuatu bangsa itu mempunyai Raja dan mempunyai Kerajaan berserta dengan peradaban atau civilization, dengan izin, maka itulah menunjukkan bahawa bangsa itu, kaum itulah yang menguasai dan mula-mula diiktiraf sebagai tuan punya kepada tanah atau negara yang diperintah olehnya. Maka mestilah kita mengakui dan akur akan hakikat sejarah ini, tetapi malangnya sudah ada di kalangan orang-orang bukan Melayu yang mahu mempertikaikan fakta sejarah ini, kesahihan sejarah ini terutama daripada parti Pembangkang seperti DAP yang pernah diungkit oleh Yang Berhormat dari Jelutong, malangnya dia tidak ada pada petang ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kita benar-benar berharap supaya dia ada supaya dapat membahaskan perkara ini dengan betul-betul. Kita haruslah mengucapkan terima kasih kepada Sultan-sultan Melayu, institusi Raja-raja Melayu kerana merekalah, dengan persetujuan merekalah wujudnya negara Persekutuan Tanah Melayu kemudian Malaysia. Kalau tidak dengan persetujuan mereka tidak mungkin dapat diwujudkan dengan sistem yang ada sekarang ini. Kerana orang-orang Inggeris apabila datang ke Tanah Melayu mereka tidak berbincang dengan mana-mana orang kecuali Raja-raja Melayu. Dengan sebab itu unsur tradisi ini mesti dipertahankan. Dia lambang kepada kekuasaan, bukan sahaja kekuasaan orang-orang Melayu, bahkan juga dia menjadi pelindung kepada orang-orang bukan Melayu. Maka dengan sebab itu, dalam sejarah negara kita, apabila

kedatangan Inggeris memang orang-orang bukan Melayu sudah pun ada mendapat tempat di sisi Istana, ia tidak dimonopoli semua oleh orang-orang Melayu. Ertinya, pengiktirafan Istana telah berlangsung, telah ada dipanjangkan, bukan sahaja kepada orang-orang Melayu, bahkan juga kepada orang-orang bukan Melayu.

Baginda melihat semua rakyat yang ada di sini adalah rakyat Baginda, yang berhak mendapat perlindungan daripada Baginda dengan saksama. Tetapi malangnya, orang-orang bukan Melayu seperti Yang Berhormat dari Jelutong telah mencabar institusi Raja. Bukan mencabar dengan sekadar berkata tetapi telah membawa tindakan ke mahkamah. Yang malangnya, dia seorang peguam tetapi tidak tahu dan tidak mengerti peruntukan Perlembagaan yang telah jelas menyatakan bahawa Raja tidak boleh disaman atas sifat peribadinya sebagai Raja. Dia tidak tahu bahawa sistem undang-undang Perlembagaan yang ada di negara kita ini Raja melebihi, lebih atas daripada undang-undang.

Tetapi apa yang saya ingin tekankan di sini ialah perbuatan menyaman Raja Melayu itu adalah satu perbuatan mencabar orang-orang Melayu yang telah menjunjung, yang telah mempertahankan sistem itu, institusi itu. Bukan satu institusi yang baru diwujudkan, ia salah satu institusi yang telah lama bertapak, berakar-umbi dalam sistem kenegaraan di negara ini. Maka ertinya kalau mencabar, dia telah menghalakan cabaran itu kepada seluruh orang-orang Melayu, bukan kepada institusi Sultan itu sahaja. Maka saya tidak nampak kalaulah institusi ini tidak diakui dan diterima, bukan diterima dengan cara mulut sahaja, bahkan diterima dengan hakikat, dengan hati oleh orang-orang bukan Melayu, dia boleh menjamin kestabilan serta pembangunan di negara ini. Maka ingatan ini pula ada di

dalam kepaia tiap-tiap pemikiran dan pemimpin kaum di negara ini.

Walaupun Yang Berhormat dari Jelutong membawa tindakan menyaman Sultan itu adalah dasar keadilan, tetapi kepada dia biarlah saya beritahu, kalau hendak tahu apa erti adil, dia kena baca buku Plato yang bertajuk *The Republic*. Dia tahu apa makna keadilan daripada pemikiran zaman Yunani. Kerana perkataan keadilan itu bukan harus dilihat dan ditafsirkan dengan mengeneipkan keadaan setempat, dia harus mengambil kira keadaan tempat, suasana, pemikiran, kedudukan untuk dipadankan dengan makna keadilan. Kalau keadilan itu dia ambil perkataan adil dan dia memejam matanya, tidak mungkin dia boleh mencapai erti keadilan. Maka dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kepada pemimpin-pemimpin, orang-orang bukan Melayu seharusnya melihat institusi ini sebagai satu institusi yang terpenting, yang boleh memberi perlindungan lambang perpaduan seluruh bangsa, seluruh kaum yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, unsur yang kedua ialah Islam sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Perkara 3 Perlembagaan Malaysia. Sejak kedatangan Islam ke negara kita lebih kurang 300 atau 400 tahun yang lampau, ia telah mengubah pandangan lahir dan pandangan batin orang-orang Melayu. Islam telah mengajar orang-orang Melayu bersifat dengan sifat tolak ansur, sifat sederhana, taat, setia dan sebagainya merupakan sifat-sifat yang baik. Maka sebab itu, perhubungan di antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu boleh terjalin dengan baik, Orang-orang Melayu tidak membenci orang-orang bukan Melayu dengan secara membabi buta kerana mereka faham.

Dalam ajaran Islam ada disebut; yang ertinya: "Kami jadikan kamu ini

berpuak-puak dan berbangsa-bangsa". "Ritaarafu: "Untuk kamu berkenai-kenalan." Inilah dia sebabnya orang-orang Melayu boleh menerima orang-orang Cina yang datang berhijrah ke negara ini, orang-orang India yang datang berhijrah ke negara ini boleh diterima sebab perkataan "Syuhubanu waqaba ila lilaa rafu; ertinya: kerana berpuak-puak dan juga berkaum-kaum semata-mata untuk berkenai-kenalan. Orang-orang Melayu boleh bertolak ansur kerana mereka juga diajar oleh Islam supaya bertolak ansur. Orang-orang Melayu memandang bahawa orang-orang bukan Melayu sebagai makhluk sebagaimana mereka juga dan tidak harus dibenci dan tidak harus ditolak, tidak boleh menafikan hak mereka ini atas muka bumi.

Sebagaimana juga mereka, sebagaimana juga dengan diri orang-orang Melayu samalah sebagaimana juga orang-orang bukan Melayu semuanya makhluk Allah, maka dengan sebab itu sifat terbaik-baik harus dicari. Ini dia, Tuan Yang di-Pertua, ajaran yang dibawa oleh Islam membentuk peribadi Melayu, membentuk peribadi dan tingkah laku orang Melayu. Maka dengan sebab itu di negara ini boleh diterima siapa sahaja datang, sejak daripada Melaka hubungan dengan Cina, hubungan dengan Arab, hubungan dengan India dan hubungan ini bertangsong sampailah ke hari ini sehingga orang-orang Melayu selepas kemerdekaan melihat bahawa orang-orang Cina dan orang-orang India sebagai saudara mereka dengan satu janji dan harapan untuk hidup di negara ini, dengan penuh aman dan damai. Bukan untuk mengeluarkan satu isu yang boleh membangkitkan semangat perkauman, yang boleh membangkitkan ketegangan. Mereka kena ingat bahawa peruntukan dalam Perkara 3 ini bukannya satu peruntukan baru yang dilihat oleh Suruhanjaya Reid. Dia sudah ada tertulis dalam Perlembagaan negeri-negeri di

Malaysia ini seperti di negeri Terengganu dalam Perlembagaan tubuhnya yang dikenali sebagai "Etkolumulubbitakdilusuluf", dalam tahun 1911.

Saya baca di sini Fasal ke 51 yang berbunyi:

"Agama negeri dan agama lain, sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya. Kerajaan Terengganu ini Kerajaan Islamiah, Melayuwiah ialah yang dikatakan agama negeri dan Kerajaan, maka tiadalah boleh sekali-sekali sebarang agama lain dijadikan atau dipebut agama negeri sekalipun banyak segala bangsa dan agama diamankan dan dibenarkan masuk diam dalam negeri dan jajahan Terengganu,"

Ini peruntukan tradisi, yang sudah ada. Dan kalau tidak silap saya dalam Perlembagaan Negeri Johor juga ada—1885 Perlembagaan Negeri Johor, dan Perlembagaan Negeri Terengganu 1911 dan saya percaya dalam semua Perlembagaan negeri-negeri undang-undang tubuh negeri-negeri di seluruh Malaysia ini mengandungi peruntukan yang sama—mengenai peruntukan Islam.

Saya hendak sebutkan ini bukan kerana apa, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya hendak minta supaya orang-orang bukan Melayu ini faham, orang bukan Melayu mengerti, ini peruntukan tradisi yang mesti dipertahankan, tetapi malangnya baru-baru ini sudah ada suatu gerakan, suatu tindakan daripada orang-orang bukan Melayu yang beragama Kristian, yang cuba mendakyahkan Kristian kepada orang-orang Melayu, sedangkan ini dilarang oleh Perlembagaan, mereka tidak kira. Apakah ertinya ini semua?

Di Kuala Lumpur ini saya diberitahu bahawa sudah ada suatu rumah yang

digelar Baitulrahmah di mana penagih-penagih dadah yang terdiri daripada anak-anak Melayu sama ada wanita atau lelaki diangkut dengan cara sukarela dan mereka dirawat di rumah ini. Tetapi dalam masa yang sama, mereka diserapkan dengan ajaran Kristian.

Begitu juga saya difahamkan bahawa satu taktik, saya hendak beritahu kepada kaum-kaum wanita Islam, satu taktik yang sedang dipergunakan oleh golongan Kristian ini dalam usaha mendakyahkan Kristian mereka ialah membenarkan golongan orang-orang muda yang terdiri daripada mereka yang beragama Kristian untuk tackle wanita-wanita Islam, kemudian mereka pun kahwin. Selepas daripada kahwin, suami ini kononnya akan memeluk Islam, tetapi dalam masa yang sama juga mereka akan cuba mengelirukan si isteri dengan kedudukan dan kebenaran ajaran Islam. Kes ini sudah ada berlaku di Terengganu. Saya bukan bercakap sebagai cakap mengikut serkap jarang sahaja. Kes ini sudah berlaku di Terengganu di mana seorang suami yang beragama Kristian telah mengahwini seorang perempuan Melayu yang beragama Islam, selepas daripada itu dia telah mengelirukan si isteri ini tentang kebenaran, kesucian, kesyumuluan ajaran Islam, kemudiannya si isteri ini telah berpaling daripada Islam dan memeluk agama Kristian.

Saya suka memberi amaran kepada orang-orang yang mempunyai cita-cita seperti ini kerana permusuhan Islam dengan Kristian untuk negara kita janganlah kita panjangkan. Biarlah apa yang sudah berlangsung di zaman peperangan Salib, di zaman Sultan Salahuddin Al-Ayubi. Bagi penduduk di negara ini melihat peperangan antara orang-orang Islam dan orang-orang Kristian biarlah dia berlangsung begitu sahaja. Jangan cuba

dibangkitkan semangat perang Salib itu di negara ini kerana saya bimbang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun, hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta penjelasan.

Tuan Zubir bin Embong: Giliran "deme", "deme" tak beri,

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata tak beri, tak apa.

Tuan Zubir bin Embong: Fasal, giliran dia tak pernah beri pun kepada saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak bagi pun tak apa.

Tuan Zubir bin Embong: Duduk! Saya tak beri, fasal dia juga tak pernah beri kepada saya.

Saya cuba ingatkan golongan Kristian di negara ini, Tuan Yang di-Pertua, jangan bangkitkan, jangan cuba sedarkan kembali semangat peperangan Salib yang telah berlangsung di Timur Tengah di antara tentera Islam dan tentera Kristian, kerana bagi orang-orang Islam di dalam mempertahankan Islam, mereka akan berpegang kepada satu firman Tuhan:

"Apakah manusia mengira bahawa mereka itu telah cukup dengan hanya berkata, kami beriman, sedangkan mereka belum lagi diuji, sedangkan kami telah menguji mereka orang-orang yang terdahulu daripada mereka dan dengan ujian itu, maka Tuhan pun mengetahui siapa yang bercakap benar dan

Tuhan juga mengetahui siapa yang bercakap bohong."

Kalau inilah semangat yang sudah ada pada orang-orang Islam di negara ini, akibat daripada perbuatan orang-orang Kristian yang cuba mahu mengkristiankan orang-orang Islam di negara ini, maka tentulah suatu peperangan yang besar, permusuhan yang besar akan berlaku. Maka tidak ada maknanya lagi Belanjawan 1988 itu dibentangkan, tidak ada maknanya lagi strategi-strategi yang kemas dan kuat untuk memulihkan ekonomi kalau inilah yang berlaku di negara kita.

Maka, untuk mengelakkan perkara itu janganlah mereka menganggap bahawa orang-orang Islam di negara ini sama seperti orang-orang Islam di sebuah negara jiran dan cukuplah dengan fakta mengatakan bahawa orang-orang Islam di selatan negara ini yang sedang diasak oleh gerakan Kristian untuk menjadi ingatan kepada orang Islam di negara ini. Bererti, kalau mereka cuba mengusik dan semangat yang saya telah bacakan tadi bangkit, maka sudah tentu tidak ada siapa yang boleh menahan pada waktu itu, walaupun Isa sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, perkara inilah perkara yang serius, bukan perkara yang ringan. Orang Islam memandang bahawa kehidupan di atas dunia ini sebagai satu kehidupan yang sementara dan kehidupan yang sebenarnya ialah kehidupan di akhirat nanti dan mereka mahu menjadi tentera Allah di atas muka bumi ini. Sebab itu, saya bimbang kalaulah ada parti yang akan mengeksploitasi isu ini, akan dieksploitasi oleh satu parti Pembangkang walaupun dia seorang dalam Dewan, takut dia yang akan mengeksploitasi. Kalau UMNO yang bercakap mengenai perkara ini, mungkin tak apa sebab kita boleh lagi mampu untuk mententeramkan rakyat.

Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad: Dia tak mahu beri saya minta penjelasan, dia jangan kaitlah dengan parti saya.

Tuan Zubir bin Embong: Bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia beri!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Beri?

Tuan Yang di-Pertua: Dia beri. Sila.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan Yang Berhormat sekejap tadi, kita dapat meyakini bahawa hujah-hujah beliau dengan jelas menyatakan ada orang Melayu memasuki agama Kristian dan ada usaha yang tertentu untuk mempengaruhi dan menarik orang Melayu memasuki agama Kristian sama ada melalui rumahtangga dan sebagainya dan pengakuan beliau itu kita harap betul. Tetapi dalam isu yang timbul di Malaysia mengenai orang-orang Melayu masuk Kristian, heboh dalam suratkhbar dan dalam percakapan-percakapan umum, terutama sekali berkait dengan satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Presiden PAS, Tuan Haji Yusof Rawa, maka dalam saat itulah Perdana Menteri Malaysia kita menafikan secara tegas, dia tidak dapati satu orang pun yang terlibat dengan Kristian, bahkan kenyataan itu merupakan kenyataan palsu, tiba-tiba hari ini anggota Kerajaan sendiri membawa hujah, bukan satu, bukan dua. Jadi, saya hendak tahu dari Tuan Yang di-Pertua, soalnya mana yang betul antara dua ini; kenyataan Perdana Menteri atau kenyataan Yang Berhormat? (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soal yang mana betul dan yang mana salah tidak timbul, tetapi malangnya yang mendukacitakan, saya hairan kenapa orang-orang PAS

seperti Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sibuk apabila isu soal Kristian ini. Soal yang masuk Kristian ini bukan orang-orang PAS, sebab orang-orang PAS yang tegur orang-orang UMNO yang tidak masuk Parti PAS itu sebagai orang bukan Islam, kenapa yang sibuk sangat? Jagalah hal rumahtangga dia.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: Saya teruskan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Cukuplah itu sekali. Beri sekali, hendak dua kali. Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah masuk benda yang ketiga itu?

Tuan Zubir bin Embong: Soal Islam ini ada lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap lama sudah, banyak lagi Ahli-ahli yang hendak bercakap.

Tuan Zubir bin Embong: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan telah tidak akan menjadi bermakna kalau kita tidak mengkaji apakah erti "Islam" yang disebut dalam Perlembagaan itu. Saya menerimalah bahawa bekas Perdana Menteri Malaysia menyatakan bahawa implikasi daripada peruntukan Perkara 3 dalam Perlembagaan itu, dia menyatakan bahawa:

"This is not an Islamic country as it is generally understood. We merely provide that Islam shall be the (official) religion of the Federation".

Saya menerima, tetapi tidak ada maknanya kalau kita meletakkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dengan kita tidak membenarkan pengiktirafan kepada taraf agama itu sendiri. Satu aspek yang besar yang

selama ini dilupakan ataupun sama ada dilupakan atau tidak dilupakan, saya tidak tahu, tetapi yang kelihatan dilupakan ialah masalah soal undang-undang Islam untuk orang-orang Islam di negara ini.

Dalam kes *Rabbah vs Latto*, tahun 1927, *Federated Malay States Law Report*, muka surat 128, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa "The Muslim law was the law of the land". Ini bukan Hakim orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, ini Hakim Inggeris yang memutuskan kes ini, telah mengiktiraf bahawa undang-undang Islam adalah suatu undang-undang "the law of the land", undang-undang asas di negara ini. Tetapi dalam Perlembagaan kita, hatta dalam Article 160 pun tidak pernah mengiktirafkan undang-undang itu sebagai sebahagian daripada undang-undang Islam. Saya petik:

"160. *Interpretation*

(2) xxx xxx xxx xxx

"Law" includes written law, the common law in so far as it is in operation in the Federation or any part thereof, and any custom or usage having the force of law in the Federation or any part thereof;"

Tidak disebutkan pun soal undang-undang Islam. Betapa rendahnya undang-undang Islam, sedangkan dalam tahun 1927, Hakim Inggeris, bukan Hakim Melayu, mungkin Kristian, mengiktiraf undang-undang Islam sebagai "the law of the land".

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut sejarah di negara ini, memanglah undang-undang asas di negara ini adalah undang-undang Islam, tidak siapa boleh menafikan. Saya hendak kaitkan dengan peruntukan Perkara 3 Perlembagaan, bagaimana sejarah itu boleh berubah, undang-undang yang dahulunya

undang-undang Islam, kemudiannya berubah digantikan dengan undang-undang Inggeris.

Kenapa? Saya tidak boleh melakukan ataupun menerangkan, kecuali seorang tokoh undang-undang di negara kita iaitu Professor Ahmad Ibrahim yang telah menerangkan dalam satu artitlenya. Saya petik dalam bahasa asalnya, sebab malangnya Profesor Ahmad Ibrahim tidak tulis dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Perlembagaan tadi tidak baca dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Zubir bin Embong: Mengapa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Perlembagaan tadi Yang Berhormat baca dalam bahasa Inggeris.

Tuan Zubir bin Embong: Tetapi kebetulan saya beli "English version".

Tuan Yang di-Pertua: Ada naskah Bahasa Malaysia, tetapi Yang Berhormat baca yang bahasa Inggeris.

Tuan Zubir bin Embong: Ya. Mengikut Profesor Ahmad Ibrahim, kenapa perubahan ini boleh berlaku, ia berkata:

"However, all this was changed by British influence through their power to advise the Malay Sultans. The British were able to have a number of laws enacted which replaced the Muslim law, which Code was borrowed from India, based on English principles. Thus the Penal Code, the Evidence Enactment, and the Criminal Procedure Code were introduced in place of the Islamic law relating to crime—Evidence and Criminal Procedure. The Contract Enactment and the specific Relief Enactment were introduced to replace the Islamic law of contract. In the field of land law, the Islamic law was replaced by a system of registration of title based on the Torrens System. Moreover, when

courts were set up in the Malay States and manned by British judges, they introduced the principles of English law even in the absence of any written law. Thus, the English principles of Tort and equity were introduced in Malay States. This judicial legislation was approved by the Legislature with the enactment of the Civil Law Enactment, 1937 which originally applied to the Federated Malay States but was extended to the other Malay States in 1951. Finally, the Civil Law Ordinance of 1956 provided that save in so far as the other provision has been made or may hereinafter be made by any written law in the Federation or any part thereof, the court shall apply the Common Law of English and the rules of equity as administered in England on the 7th April, 1956. Thus in effect the English law replaced the Islamic law as the basic law and the Islamic law was relegated to a subsidiary and subordinate status".

Ini yang telah diterangkan oleh Profesor Ahmad Ibrahim. Apa yang menakutkan saya, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang Inggeris ataupun penggunaan, dengan izin, principles of English Law, kerana ia ada kaitannya dengan agama Kristian itu sendiri.

Sebab mengikut beberapa kes yang diputuskan, ia menunjukkan bahawa prinsip-prinsip undang-undang Inggeris memakai beberapa prinsip atau dasar undang-undang Kristian, memakai beberapa dasar agama Kristian dalam sistem undang-undang Inggeris itu sendiri dan tentunya ia akan bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan. Sebab itu perkara ini perlu dilihat dan diperhatikan. Saya cuba baca dalam beberapa kes, misalnya dalam Taylor's case Hale, Chief Baron mengatakan:

"To say that religion is a cheat is to dissolve all those obligations whereby the civil society are preserved.

Christianity is part and parcel of the law of England and therefore to reproach the Christian religion is to speak in subversion of the law. "Ini bukti. Kemudian dalam kes Cowan Iwn. Melburn, Kelly C.B.:

"There is abundant authority for saving that Christianity is part and parcel of the law of the land.:

Maka tentulah kalau ini diketahui oleh umat Islam bahawa selama ini mereka, undang-undang yang dipakaikan kepada mereka, undang-undang yang dikenakan kepada mereka sebenarnya adalah sebahagian undang-undang yang berkaitan dengan Kristian. Saya tidak tahu sama ada, adakah ini adil atau tidak. Kalau inilah yang sebenarnya, sebagaimana benarnya yang disebutkan dalam quotations yang dikatakan oleh Hakim-hakim dalam kes-kes tersebut, maka sebenarnya kedudukan umat Islam di negara ini, mereka telah tidak dapat dan tidak mampu untuk melaksanakan Islam sebagaimana yang sepatutnya dilaksanakan oleh mereka. Bahkan undang-undang yang dikenakan kepada mereka pun ada kaitannya dengan dasar dan undang-undang Kristian. Maka hal ini mestilah diperbaiki, Tuan Yang di-Pertua, supaya dengan cara yang sedemikian sahajalah keadilan kepada orang-orang Islam dapat dilaksanakan.

Soal yang akhir mengenai Islam yang hendak saya sebutkan, apa yang dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dalam tahun 1898, mengenai soal pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun, hendak apa?

Tuan Sim Kwang Yang: Tertib Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, iaitu 36(7).

Tuan Zubir bin Embong: Apa itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, nanti dia minta tertib mesyuarat. Silakan duduk.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, 36 (7), dengan izin: "The name of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong or any of their Highnesses the Rulers shall not be used to influence the House." Oleh yang demikian, apa yang sudah dikatakan oleh Sultan Pahang seharusnya tidak dibenarkan sepatutnya di dalam Dewan ini. Saya minta keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, keputusannya iaitu perkara yang diucapkan itu boleh dibangkitkan kerana "influence" kepada siapa-siapa itu adalah satu benda yang bersangkutan dengan perkara hadapan, kontrak dan sebagainya. Itu ialah proof berkenaan dengan satu kejadian yang lama. Sila teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan apa yang memanglah sudah disebutkan. Apa yang Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangkit dengan bantahan dengan tertib mesyuarat, dia pun tak tahu juga apa yang saya hendak katakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila teruskan, jangan marah sangat. Sila teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Saya tak marah, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan sahaja.

Dalam tahun 1898, Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah menyatakan dalam State Council: (*Dengan izin*)

"His Highness says that he is growing an old man and that the thought of his responsibility in this matter fills him with fear that he will shortly be called upon to render an account to God for all action and of his neglect to fulfil His

law. His Highness said that he feels sure that if the government realises his position in the matter and the immense importance which this question must have in his eyes, it will find a means of punishing such crimes as he has named and will relieve him of the weight of a moral responsibility which he finds himself quite unable to bear."

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ialah mengenai bahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah pendek sedikit. Yang Berhormat bercakap sejam dah.

Tuan Zubir bin Embong: Sejam Tuan Yang di-Pertua? Saya ingat baru setengah jam. Saya akan pendekkan, Tuan Yang di-Pertua.

Unsur yang ketiga dalam Perlembagaan kita ialah bahasa, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan iaitu Perkara 152.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Melayu ini telah mendapat martabat yang tinggi apabila bersama dengan kedatangan Islam ke negara ini. Dan Bahasa Melayu pada masa itu telah mampu membicarakan soal-soal yang tinggi, soal-soal yang berdasarkan "aqilah" yang tidak tertakluk daripada metos dan tahyul. Sebab itu kalau kita membaca sejarah-sejarah, penulisan-penulisan lama yang ditulis dalam Bahasa Melayu asal, Melayu jati, kita boleh membicarakan soal "alam Malakut, alam Jabarut" dan sebagainya. Ini membayangkan bahawa betapa saintifiknya Bahasa Melayu pada waktu itu. Dan ianya menjadi satu bahasa yang juga digunakan di Istana. Bukan di Istana sahaja bahkan rakyat jelata serta sesiapa juga yang datang ke negara ini pada waktu itu terpaksa tunduk dan akur membicarakan setiap patah perkataan dalam Bahasa Melayu. Tidak mungkin dalam bahasa lain.

Maka munasabahlah kalau Bahasa Melayu itu dijadikan sebagai asas untuk perpaduan di negara ini kerana ianya telah membuktikan kemampuannya. Bukan sekarang bahkan ratusan tahun dulu ianya telah mampu membuktikan dirinya untuk menjadi bahasa komunikasi antara satu golongan dengan satu golongan yang lain. Bukan sekadar di antara rakyat jelata bahkan rakyat jelata dengan Istana. Satu kumpulan daripada negara ini dengan negara lain, mampu. Maka bagi mereka yang mempersoalkan keupayaan Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu sebagai bahasa penyatuan adalah merupakan satu perkara yang amat malang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tentang Bahasa Malaysia ini oleh kerana Tuan Yang di-Pertua minta saya ringkaskan satu perkara sahaja, iaitu penggunaan Bahasa Malaysia dalam mahkamah kita pada hari ini. Sebagaimana yang telah diperuntukkan bahawa Bahasa Malaysia ini menjadi Bahasa Kebangsaan dan ianya seharusnya digunakan untuk maksud rasmi sebagaimana yang diputuskan dalam kes Merdeka University Berhad vs Government of Malaysia 1982, 2MLJ, muka 243.

Maka kalau ianya untuk tujuan rasmi maka saya melihat mahkamah jugalah merupakan tempat rasmi. Pada masa sekarang tidak ada satu niat ataupun tidak ada satu hasrat yang bersungguh-sungguh untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia ini dalam mahkamah. Yang saya tahu cuma di Mahkamah rendah sahaja itu pun tidak secara sepenuhnya. Untuk kes-kes yang disebut baru disebut dalam Bahasa Malaysia tetapi kalau kes-kes untuk tujuan bicara, dibicarakan dalam bahasa Inggeris. Ertinya Kerajaan sekarang ini, Kementerian Kehakiman mestilah mengambil tindakan yang segera, tindakan yang bersungguh-sungguh

untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia dalam mahkamah walaupun Parlimen kita memberi kelonggaran di mana bahasa Inggeris boleh digunakan dalam mahkamah kita. Sebab itu hanya tempoh 10 tahun. Selepas 10 tahun dia seharusnya dikaji dan diperhatikan prestasi Bahasa Malaysia itu sendiri. Dan Parlimen ini mempunyai hak untuk menentukan sama ada mahu menjadikan Bahasa Malaysia sebagai satu bahasa semestinya dalam mahkamah sebagaimana yang disebutkan oleh Suruhanjaya Reid dalam paragraf 170, dia kata:

"After ten years, it should be left to Parliament to decide when a change should be made. And we have framed our recommendation so as to enable Parliament to proceed by stages if it thinks fit to do so. It may be found desirable first to discontinue the use of English for some purposes and then to discontinue its use for other purposes at some later date".

Ini recommendation daripada Suruhanjaya Reid. Maka saya mintalah supaya Kerajaan pada hari ini biarlah bersungguh-sungguh supaya Perkara 152 dalam Perlembagaan ini didaulatkan. Bukan kita sebut "daulat" sahaja tetapi kita tidak pernah mendaulatkan. Dan tempat yang paling baik untuk kita daulatkan Bahasa Malaysia ini selepas 30 tahun merdeka ialah mahkamah kerana ianya dibicarakan oleh orang-orang yang profesional, oleh orang-orang yang intelek, orang-orang yang mempunyai pemikiran yang tinggi hingga sesuaiilah gelaran yang kita beri kepada Hakim-hakim itu "Yang Arif" dan "Yang Amat Arif". Maka orang ini mampu membicarakan kes-kes dalam Bahasa Malaysia maka waktu itu tidak ada siapa pun yang boleh mempertikaikan penggunaan bahasa ini sebagai bahasa ilmiah, bahasa intelektual dan bahasa yang boleh digunakan untuk memberi keadilan kepada semua orang. Tetapi kalau

mahkamah sudah tidak mahu atau tidak mampu untuk membicarakan atau menggunakan bahasa ini bagaimana kita boleh meyakinkan orang-orang lain. Tentulah mereka akan mengeluarkan seribu pandangan, seribu alasan untuk tidak mahu menggunakan Bahasa Malaysia ini. Maka dengan sebab itu saya menyeru kepada Kementerian Kehakiman supaya mengkaji balik pandangan ini dan juga mengambil tindakan dengan seberapa segera. Sedikit lama lagi bulan Bahasa Kebangsaan, minggu Bahasa Kebangsaan; DAP pun bersetuju. Kita tidak akan menemui lagi bantahan dalam Dewan ini kerana DAP berjanji mereka akan menyokong.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun. Ada hendak beri jalan?

Tuan Zubir bin Embong: Sama sendiri, Tuan Yang di-Pertua.
(*Ketawa*) Bolehlah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dia beri, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahulah dan hendak minta penjelasan kenapa mahkamah ini payah sangat, tidak mahu menggunakan Bahasa Malaysia sedangkan Bahasa Malaysia merupakan Bahasa Kebangsaan yang sudah didaulatkan bertahun-tahun dulu. Saya rasa Yang Berhormat dari Kuala Terengganu mungkin mempunyai sifat-sifat tertentu kenapa Bahasa Malaysia ini tidak dapat digunakan di mahkamah. Tambah-tambah lagi Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sendiri merupakan seorang lawyer dan boleh nyatakan cara-cara atau pandangan yang boleh menyebabkan Bahasa Malaysia dapat digunakan di mahkamah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dia komplek perkara itulah. Sebab apa tidak jadi di mahkamah. Tanya dia pula, macam mana? (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Saya pun tidak tahu. (*Ketawa*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dia saja ambil masa saya ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun lagi. Hendak beri jalan?

Tuan Zubir bin Embong: Kalau dia, memang saya beri.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak tahu, sebab kenapa Bahasa Malaysia ini tidak dapat digunakan di mahkamah begitu lama. Saya rasa yang saya dengar tadi hanya merupakan pandangan-pandangan dan juga perasaan-perasaannya supaya Bahasa Malaysia digunakan di mahkamah-mahkamah.

Tetapi saya belum lagi nampak kenapa sebabnya Bahasa Malaysia ini tidak mahu digunakan di mahkamah. Kalau beliau boleh memberi jawapan, saya rasa baik juga, saya pun hendak dengar juga. Terima kasih.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan prejudiced dalam soal ini. Tetapi saya melihat satu daripada sebab; oleh kerana Yang Berhormat dari Marang mendesak saya untuk menyatakan sebab. Saya melihat pertamanya ialah kerana Hakim-hakim kita yang ada sekarang ini memanglah dilatih di barat yang memang menggunakan bahasa Inggeris. Tentulah mereka tidak sebegitu biasa dengan perkataan-perkataan yang teknikal, perkataan-perkataan yang memang sudah begitu berakar tunjang dalam

sistem perundangan Inggeris. Dan untuk mereka terjemahkan dalam Bahasa Malaysia tentulah mereka teragak-agak. Dan ini mungkin satu sebab. Saya tidak tahu. Mungkin Tuan Yang di-Pertua yang dulu memang seorang Hakim mungkin lebih mengetahui soal ini. Saya cuma memberi pandangan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sangkut dengan saya itu. (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, jadi oleh kerana di mahkamah sekarang ini tidak ada satu langkah pun untuk cuba mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagaimana yang saya katakan tadi. Sampai kepada Rules of the High Court (Peraturan-peraturan Mahkamah Tinggi), Rules of the Subordinate Courts (Peraturan-peraturan Mahkamah Rendah), saya sebut satu daripada apa yang dicatatkan di dalam Rules of the High Court.

Peraturan 92, Rules of the High Court 1980 menyatakan:

"Any document required for use in pursuance to these Rules shall be in English or the National Language provided that wherever any such document is in the National Language, it shall be accompanied by a certified or verified translation thereof in English."

Kalaulah kita boleh buat dalam Bahasa Malaysia, buatlah dalam Bahasa Malaysia. Apa lagi hendak certified translation, dengan izin. Maka kalau perubahan tidak dibuat pada peraturan-peraturan Mahkamah Tinggi dan peraturan-peraturan Mahkamah Rendah mengenai penggunaan Bahasa Malaysia, maka saya tidak nampak. Sebab dahulunya sebelum daripada Rules of the High Court 1980 ini mengikut pengalaman saya boleh dibuat form-formnya, borang-borangnya dimasukkan dalam

Bahasa Malaysia. Tetapi sekarang ini cuma borang untuk menyegarkan fire case itu didengar sahaja yang diperlukan dalam Bahasa Malaysia, lain daripada itu tidak perlu. Maka ini satu perkara yang boleh dikatakan backward, kebelakangan. Maka dengan sebab itu saya minta sekali lagi supaya Kementerian Kehakiman mengkaji dan menilai kembali. Jangan cakap sahaja kita hendak daulat Bahasa Malaysia, ada Minggu Bahasa Malaysia, ada Bulan Bahasa Malaysia dan sebagainya, tetapi kita di peringkat orang yang memerintah dalam Kerajaan tidak pernah cuba mahu memikirkan perkara ini. Kerana apa yang saya katakan tadi dalam mahkamahlah sebagai tempat yang tertarik untuk mempamerkan kemampuan Bahasa Malaysia itu sendiri.

Element yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, ialah hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Artikel 153 Perlembagaan Malaysia. Sejarahnya begini, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kedatangan orang-orang Inggeris ke Tanah Melayu di samping aktiviti politik, mereka juga menjalankan aktiviti ekonomi di mana lombong-lombong timah dibuka dan juga ladang-ladang baru diteroka.

Sebelum daripada ini orang-orang Melayu berada di persisiran sungai sebagai kampung tradisi, sebelum kemasukan orang-orang Inggeris, sebelum campur tangan secara terus oleh orang-orang Inggeris. Apabila mereka membawa masuk orang-orang Cina daripada negara Chtna, orang-orang India daripada negara India, maka mereka telah membawa kawasan-kawasan baru yang mereka jadikan tempat itu sebagai bandar, pusat pentadbiran. Maka tinggallah orang-orang Melayu di persisiran sungai dalam keadaan miskin, lemah, daif, tidak ada kemudahan dan sebagainya. Tetapi di bandar, sebab

itu di Lembah Kelang dan Lembah Kinta, Bandar Ipoh dan Bandar Kelang, Kuala Lumpur adalah merupakan penempatan-penempatan yang baru dibuka kerana aktiviti bijih timah. Apabila mereka sudah menjadi sebagai bandar pentadbiran orang-orang Inggeris, sudah tentulah banyak kemudahan-kemudahan. Sekolah ada, jalan raya ada, api elektrik ada, kesihatan ada dan berbagai-bagai kemudahan-kemudahan yang lain disediakan di tempat itu. Maka siapakah pada waktu itu yang boleh merasai kemewahan nikmat daripada kemudahan dalam bandar? Tentulah orang-orang bukan Melayu.

Sebaliknya, orang-orang Melayu sebagaimana saya katakan tadi berada di persisiran sungai dalam keadaan lemah, tidak ada kemudahan asas, kerana sungai merupakan jalan perhubungan tradisi mereka dan ditinggalkan daripada dibangunkan. Dan perkara ini berlangsung bukan setahun, bukan dua tahun, bukan tiga tahun, bahkan puluhan tahun, sekalipun selepas mencapai kemerdekaan orang-orang Melayu masih lagi berada di pendalaman, dengan tidak ada apa-apa kemudahan, dengan tidak ada apa-apa yang boleh diberikan kepada orang-orang Melayu sekalipun selepas kemerdekaan. Maka dari segi pendidikan, Victoria Institution, siapa yang masuk? Penang Free School, siapa yang pergi? Dan beberapa sekolah besar yang ada di seluruh tanahair ini dipenuhi oleh anak-anak orang bukan Melayu. Tetapi anak-anak orang Melayu sekolah atap, yang hanya pada orang-orang Inggeris mahu menjadi mereka lebih pandai sedikit daripada ibubapa mereka, cukup dengan pandai membaca, pandai menulis dan mengira, tidak lebih daripada itu. Kalau pun mereka mampu, maka mereka akan diberi jawatan sebagai peon ataupun budak pejabat, di pejabat orang-orang Inggeris. Tetapi

orang-orang bukan Melayu sudah terdedah dunia mereka, dari segi pendidikan, perniagaan dicapai, dikecapi oleh mereka, meninggalkan orang-orang Melayu dalam bentuk ketidakadilan dilakukan oleh penjajah, dan ini berlaku sekali pun selepas merdeka. Hanya tahun 1969, keadaan ketidaksamarataan ini baru dapat diperhati apabila bertaku peristiwa berdarah 13hb Mei, 1969 dan barulah ada usaha untuk memperbaiki keadaan ini walaupun hak keistimewaan orang Melayu sudah termaktub dalam Perkara 163 dalam Perlembagaan kerana mengakui bahawa orang-orang Melayu sebagai anak watan di negara ini.

Semasa kemerdekaan, mereka telah berjanji "gentleman agreement" dengan pemimpin-pemimpin bukan Melayu. Kita mengiktiraf awak sebagai warganegara dan awak beri kerana hak ini pada kita. Kerana kita tahu pada waktu itu sudah tidak ada kesamaan.

Pencapaian ekonomi di kalangan orang-orang bukan Melayu jauh lebih tinggi dari segi pendidikan, pelajaran dan sebagainya, jauh dibandingkan dengan orang-orang Melayu. Tetapi apabila sahaja usaha-usaha Kerajaan mahu menjadikan orang-orang Melayu kedudukan mereka sama rata dengan orang-orang bukan Melayu, dari segi pelajaran, dari segi ekonomi dan sebagainya, kenapa ada orang-orang bukan Melayu yang mahu menentang. Dasar Ekonomi Baru misalnya, kenapa ada tentangan? Apakah mereka suka orang Melayu dalam setiap masa untuk selamanya rendah dari segi pelajaran, rendah dari segi ekonomi. Apakah kemewahan itu hanya patut dimiliki oleh satu golongan sahaja dan tidak patut dimitiki oleh orang-orang Melayu? Di mana ertinya keadilan? Bumi yang bertuah ini milik orang Melayu, kerana orang Melayu

sebagaimana saya terangkan tadi dengan sifat mereka yang lemah-lemah, tolak ansur menjadikan orang-orang bukan Melayu boleh menikmati kekayaan negara ini.

Apakah salah dengan Dasar Ekonomi Baru hanya untuk menaikkan sedikit kedudukan orang-orang Melayu, diberi pembangunan di luar bandar untuk orang-orang Melayu, apakah salah? Saya kira tidak salah. Tetapi malangnya, orang-orang bukan Melayu yang melihat isu ini dengan semangat perkauman. Mereka suka kalau orang Melayu itu lemah. Mereka suka kalau orang Melayu itu ketinggalan, mereka suka kalau orang Melayu itu daif kerana mereka tahu daripada kedaifan dan kelemahan orang-orang Melayu itulah mereka akan mempunyai peluang yang lebih besar. Maka dengan sebab itu, saya mengalu-alukan dan mendesak Kerajaan kalau Dasar Ekonomi Baru belum lagi tercapai tahun 1990 maka ia mesti dan wajib diteruskan kerana kepincangan ekonomi orang Melayu, kepincangan kedudukan orang Melayu dalam negara ini, sebagaimana yang disuarakan oleh Lord President tadi merupakan empat tradisi asas pada Perlembagaan. Kalau ianya tidak dipertahankan, ianya boleh membantu pembangunan di negara ini. Maka dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kepada orang-orang bukan Melayu, biarlah mereka sedar, biarlah mereka insaf.

Sebenarnya, negara yang kita mahu bina ini bukan milik mereka sahaja dan orang-orang Melayu tidak pernah kata negara ini milik mereka sahaja dan menafikan hak-hak orang lain. Oleh kerana negara ini milik kita bersama maka kita harus bangun secara bersama. Kalau kaya, biarlah ada juga orang Melayu yang kaya.

Tuan Hashim bin Shafin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Zubir bin Embong: Ganggu lagi.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya tertarik dengan point yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu mengenai hasrat cita rasa kita orang-orang Melayu untuk menjamin pembelaan pada masyarakat luar bandar yang masih dalam pembelaan dan di tengah-tengah pembelaan itu tampil ke hadapan kita penentangan dari golongan yang sama ada faham atau sengaja tidak difaham untuk menentang dalam soal Dasar Ekonomi Baru. Saya minta fikiran daripada Yang Berhormat bagaimana kalau mereka ini terus menentang.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan minta fikiran, tetapi minta keterangan itu, minta keterangan apa yang diucapkan tadi.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Siapakah yang dimaksudkan dan kalau mereka ini terus menentang, apa tindakan dan fikiran untuk menghadapi tentangan mereka ini?

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah jelaskan tidak kira sesiapa sahaja yang menentang Dasar Ekonomi Baru dengan niat untuk memperbaiki taraf kehidupan orang-orang Melayu dan kalau menentang dasar itu maka ia menentang orang-orang Melayu, dan apabila menentang orang-orang Melayu maka menentang negara ini, tidak mungkin dapat berdiri dengan baik dan kalau mereka sanggup, maka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, peraturan 36 (10), jaga baik-baik.

Tuan Zubir bin Embong: Saya ingat, sebab sudah naik semangat, begitulah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya jelaskan empat usul tadi, maka apakah kedudukan dan pendirian kita? Sebagaimana yang saya katakan bahawa negara ini milik bersama dan kita mahu bina untuk generasi akan datang dan tidak ada maknanya Belanjawan tahun 1988 itu dibentangkan kalau tidak ada persefahaman, tidak ada keamanan, tidak ada kesejahteraan, tidak ada kesentosaan di negara kita. Bagaimana kita boleh mahu membentuk kesentosaan, paduan yang ada di negara kita oleh orang-orang Melayu dengan Islamnya, oleh orang-orang Cina dengan Buddha mereka dan orang-orang India dengan Hindu mereka, dan tidak ada agama yang menyeru kepada perbalahan dan pembunuhan, tidak ada. Islam mengajar dengan toleransi, baik, berjiran. Hanya yang menyatakan Islam ini tidak baik, berbalah-balah ini mungkin orang PAS sahaja. Apabila orang-orang Melayu cuba bangun menegakkan kedudukan mereka atas nama bangsa dan Islam, mereka kata 'asobiah. Saya hendak tanya Tok Guru dari Pengkalan Chepa.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan tanyalah, dia bangun kena beri jalanlah! (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Sudah memang kalau dia bangun saya tidak beri, sebab dia tidak boleh bangunlah, kita tanya. Kalau dia boleh bangun, saya tidak bertanya. Di mana dia 'asobiah, apabila Nabi s.a.w. berkata "Oaddimu Ouraisyiah"—Utamakanlah orang-orang Ouraisy. Maka kalau macam itu Nabi pun juga 'asobiah, sebagai Nabi pun dia tak "asobiah. Orang-orang PAS ini kalau saya berterus-terang memang dia ini irihati kepada UMNO sebab UMNO ini telah lama menunjukkan jasa kepada

orang-orang Melayu, orang-orang Islam negara ini, rakyat negara ini. Sebab orang-orang UMNO, pemimpin-pemimpin UMNO telah mengamalkan satu ayat yang disebut oleh al-Quran: Fabima rahmatin minallahi lintalahum walau kunta fadzzan ghalidzal qalbi lanfaddahu minhaulika fa'fu 'anhum wastaghfirlahum wasyaawirhum fil-amri faiza 'azamta fatawakka! 'allalladhi innallaaha yuhibbul mutawgkkilin. Tok Guru erti ayat yang saya baca ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain tidak erti'itu, cuba terangkan sedikit! (*Tepuk*)

Tuan Zubir bin Embong: "Kalau tidak dengan rahmat Allah, nescaya tidak akan lembut hati engkau terhadap mereka. Kalau kamu keras hati, nescaya mereka akan lari bertempiran daripada kamu. Maka minta ampunlah kepada mereka, maka bermesyuaratlah dengan mereka dalam satu perkara. Maka bila kamu telah mempunyai cita-cita, maka bertawakkallah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah itu kasih kepada mereka yang bertawakkal kepadaNya".

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah bangun.

Tuan Zubir bin Embong: Bangun hendak apa?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasan.

Tuan Zubir bin Embong: Tidak beri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri, Tok Guru.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sedikit pun tidak beri?

Seorang Ahli: "Budak UMNO" beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah beri! (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat tertarik dengan apa yang dihujah oleh Yang Berhormat itu, kerana hari ini beliau nampak begitu serius, sampai membawa hujah-hujah ayat Quran dan sebagainya. Jadi saya hendak; minta penjelasan kerana beliau seorang yang faham, hujah yang dibawa dengan ayat tadi, hujah Islamkah ataupun hujah kebangsaan?

Tuan Zubir bin Embong: Susah, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertelagah pun dia orang tua daripada saya, nanti dia kata saya mengajar orang tua pula. Saya baca itu ayat Ouran, bukan perumpamaan.

Beberapa Orang Ahli: Betul, betul.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta penjelasan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dia kena beri.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan tak?

Tuan Zubir bin Embong: Beri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kerana yang dia baca itu ayat Quranlah saya minta penjelasan. Ayat itu beliau guna untuk menjadi hujah kepada Islam sebagaimana yang diperjuangkan oleh PAS ataupun hujah bagi kebangsaan sebagaimana yang diperjuangkan oleh UMNO dan bagi saya hujah itu untuk parti saya kerana hujah Islam. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Apa penjelasan yang diminta itu?

Tuan Zubir bin Embong: Apa dia, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, apa penjelasan yang hendak diminta itu?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ayat Quran ini, fasal dia kata tidak salah perjuangan kebangsaan maka dia bawalah ayat Fabima rahmatin minallahi lintalahum Tujuan beliau bawa ayat ini saya faham untuk mensabitkan kebenaran dasar yang diperjuangkan oleh beliau atau parti UMNO tetapi apa yang saya faham mengikut sekolah saya belajar, tetapi tidak tahulah bagaimana beliau belajar, hujah itu tidak boleh dijadikan untuk perjuangan kebangsaan. Kalau kebangsaan tidak diterima oleh Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri penjelasan sendiri, tidak minta penjelasan! (*Ketawa*) Sila teruskan Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Ayat Ouran ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya rasa untuk UMNO tetapi saya baca itu kerana dia bertepatan dengan semangat yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO, berlainan dengan pemimpin PAS, tidak masuk parti PAS, kafir selalu. (*Tepuk*) Maka bukan sekadar itu sahaja, bahkan menghasut orang-orang Islam yang lain, yang tidak berdosa mengatakan bahawa tidak perlu lagi mandi mayat untuk orang-orang UMNO yang mati, tidak perlu lagi pergi menghadiri kenduri orang-orang UMNO, putuskan hubungan saudara, tidak ada lagi hormat di antara bapa dengan anak, tidak ada lagi hormat di antara anak kepada emak akibat kerana berlainan parti

politik. Inilah yang dianjurkan oleh parti PAS dan tidak pernah dianjurkan oleh UMNO. Sebab itu saya kata Pabima rahmatin minallahi lintalahum walau kunta fadzzan ghalidzal qalbi lanfaddhu minhaulika fa'fu 'anhum wastagh.firlahum wasyaawirhum fil-amri faiza 'azamta fatawakkal 'allallaahi innallaaha yuhibil mutawakkilin. Sebab itu kita baca ayat itu supaya biar pemimpin-pemimpin PAS mengerti, supaya tidak lagi melakukan kerosakan dan kebinasaan dalam masyarakat Islam sekarang ini. Sebab yang berlaku kerosakan dalam masyarakat Islam disebabkan oleh pemimpin-pemimpin PAS atas nama Islam, kononnya Islam yang syumul menganjurkan perpecahan, kononnya atas nama Islam yang syumul menganjurkan supaya putus persaudaraan. Ini yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin PAS.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun lagi.

Tuan Zubir bin Embong: Saya tidak beri. (*Disampuk*) Oleh kerana banyak sokongan saya beri. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Beri pula!

Tuan Yang di-Pertua: Dia beri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta, hujah Yang Berhormat itu adalah begitu berapi. Apa yang dia bahas, dia bahas perbuatan setengah daripada orang PASKah ataupun dia bahas apa yang diperjuangkan oleh orang PAS? Saya rasa dari segi dasar tidak berbangkit dan tidak kena apa yang dia hujah itu. Itu perbuatan setengah golongan sebagaimana beliau sendiri menyatakan UMNO 30 tahun tetapi tidak pernah mengambil satu langkah

pun untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dalam mahkamah. Ini terang-terang hujah dia beri, 30 tahun tetapi tidak pernah ambil satu langkah dan saya berasa kecil hati, takut Kerajaan beliau tidak terima hujah ini, 30 tahun tidurlah seolah-olah begitu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri penjelasan pula itu. (*Ketawa*) Sila teruskan Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa memang saya hormati dia sebagai tokoh agama, tokoh yang mempunyai keimanan, ketaqwaan, tetapi saya hairan kenapa dia menyertai parti PAS yang dia nampak sudah jelas membawa porak-peranda kepada masyarakat?

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Dia kata ini sebenarnya perbuatan setengah golongan tetapi saya dengar pemimpin atasan mereka, pimpinan atas mereka sendiri yang menganjurkan benda ini. Macam mana dia hendak kata ini perbuatan orang-orang yang hanya awak dayung sahaja? Jadi kerana saya bercakap banyak tentulah.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: Apa benda itu?

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order?

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, 35 (7)—"Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli berucap, jika perlu."

Saya rasa sudah jadi perlu oleh kerana Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah terus bercakap satu jam setengah lebih dan saya cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya menghadkan masa itu supaya Ahli-ahli Yang Berhormat lain dapat berpeluang untuk berucap atas perkara lain pula. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat dari Tanjong bercakap lebih daripada dua jam, fasal apa DAP tidak membangkitkan 35 (7)?

Beberapa Orang Ahli: Jawablah!

(*Y.B. Tuan Sim Kwang Yang meninggalkan Dewan*).

Beberapa Orang Ahli: Lari! Boo! Boo! Takut.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bercakap mengenai bagaimana untuk mencapai satu perpaduan yang baik di negara kita, kerana negara ini diwariskan kepada semua orang, tidak kira apa bangsa dan keturunan. Maka kita haruslah berfikir, bagaimana yang telah saya sebutkan tadi, bagaimana orang Melayu dengan Islam mereka yang mengajarkan toleransi, orang Cina dengan Buddha mereka dengan ajaran Confucius, begitu juga orang India dengan ajaran Hindu mereka. Maka gabungan ketiga-tiga agama ini, saya tidak nampak bagaimana kita tidak boleh mencapai satu perpaduan berdasarkan kepada spirit agama masing-masing, kerana kalau saya boleh menyebutkan di sini apa yang ada disebut oleh ajaran Confucius, misalnya, dia berkata, "The filial piety of the present day means to feed one's parents but even one's dogs and horses receive their food without reterence, wherein lies the difference." Ini ajaran Confucius.

Begitu juga ajaran Buddha misalnya, yang menyebut dalam "Dharmapatha" yang disebut, "Abstention from sin, doing good work and refine one's mind, this the teaching of Buddhism." Kemudian disambung lagi;" one does not repay with evil but one repays evil with good." Kemudian dalam ajaran Buddha dan Sintoism juga ada menyebut konsep cinta atau kasih sayang sebagai, "removing sorrow and bringing happiness to others" ataupun ajaran Kristian, "you shall love your neighbour as yourself". Semua ini merupakan gabungan pandangan ajaran agama masing-masing dan saya tidak nampak bagaimana kita tidak boleh menerima ajaran kita. Orang India dengan ajaran Hindunya, orang Cina dengan ajaran Buddha atau ajaran Confucius, orang Islam dengan ajaran Islamnya dan gabungan kepada pandangan agama inilah, kita mengharapkan satu kedamaian, kesentosaan, kesejahteraan yang dapat diada dan diwujudkan di negara ini dan kelakinya dapat diwariskan kepada jenerasi yang akan datang.

Dengan cara yang demikian, barulah Belanjawan 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menjadi satu perkara yang praktikal dan dapat direalisasikan. Dengan itu, saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Ahli dari Kapit.

5.24ptg.

Tuan James Jimbun Anak Pungga (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 23hb Oktober, 1987 yang lalu. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan

kerana sudah membentangkan Belanjawan yang cukup baik serta sungguh sesuai semasa ekonomi negara yang mundur.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sudah pun menyatakan hendak menolong orang perniagaan kecil seperti kedai runcit dan pemborong-pemborong dengan memberi pinjaman di antara \$3,000 hingga \$5,000. Perniagaan kecil sepatutnya diberi peluang yang lebih banyak supaya dapat mereka meneruskan perniagaan dengan sendiri. Saya ingin merayu kepada Kementerian yang bertanggungjawab untuk memberi pertolongan kepada bumiputera yang masih ketinggalan dalam bidang perniagaan, terutama sekali bagi kita bumiputera di Sarawak. Kebanyakan bumiputera di luar bandar masih tidak dapat mengikuti program perniagaan kecil ini kerana ianya belum faham atau tidak mempunyai cukup modal untuk hendak berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, masalah untuk membasmikan kemiskinan bagi penduduk di luar bandar perlu dipertingkatkan terutama sekali di negeri Sarawak sebab para petani masih hidup di bawah garis kemiskinan. Sarawak masih mempunyai banyak kawasan tanah yang boleh diusahakan oleh FELDA dalam bidang pertanian secara skim ladang besar-besaran.

Kebanyakan para petani di Sarawak masih mengusahakan ladang-ladang dan kebun-kebun untuk bercucuk tanam dengan cara tradisi serta cara kunu kerana belum cukup pengetahuan menggunakan cara pertanian moden dan tidak mempunyai cukup modal untuk mengusahakan pertanian secara besar-besaran. Oleh yang demikian, mereka menggunakan pertanian secara pindah-randah dari satu tempat ke tempat baru. Kalau perkara ini berlarutan, para petani bumiputera

kita di Sarawak akan terus ketinggalan dalam bidang pertanian, selagi kita tidak mengubah sikap atau belum menggunakan cara teknologi yang moden bagi menguruskan pertanian ladang-ladang serta kebun-kebun. Daripada ini hasil pendapatan pertanian tidak mencukupi untuk mencapai tahap pengeluaran yang dikehendaki serta tidak menguntungkan bagi menampung kehidupan yang lebih selesa.

Kebanyakan para petani di Sarawak, terutama kaum bumiputera sangat memerlukan bantuan atau subsidi Kerajaan. Tiada cara lain bagi mengubah nasib atau menukar cara hidup petani, selain daripada mengusahakan pembangunan tanah untuk bercucuk-tanam, berskim seperti yang telah diusahakan oleh FELDA dan FELCRA di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, saya minta Kementerian yang berkenaan supaya memberi peruntukan perbelanjaan yang lebih bagi memulakan usaha untuk memperbanyakkan lagi skim besar-besaran di negeri Sarawak, terutama sekali di bahagian Kapit yang belum lagi mendapat rancangan pembangunan secara besar-besaran terutama di bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, semasa soal jawab mulut di Dewan yang lalu, Menteri Kerjaraya ada menyatakan bahawa Kerajaan Pusat telah pun menyediakan perbelanjaan sejumlah \$275.6 juta bagi membaiki serta membina jalan raya yang besar yang dinamakan Lebuh raya Pan Borneo. Saya difahamkan bahawa tender-tender untuk membina dan membaiki jalan raya Pan Borneo dan juga Jalan Besar Utama di Sarawak akan dibuat tidak lama lagi. Bagi penduduk-penduduk di Sarawak tentu akan merasa bimbang kalau Kementerian yang berkenaan tidak terus merancang projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1988, ada peruntukan sebanyak \$97.6 juta untuk pembinaan Jalan Besar Utama dan juga termasuk \$8 juta untuk program jalan luar bandar di Sarawak. Oleh itu kami di Bahagian Kapit yang terputus perhubungan daripada jalan utama meminta supaya diberi sedikit peruntukan untuk pembinaan jalan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak penduduk di Bahagian Kapit minta Yang Berhormat Menteri Kerjaraya supaya tidak dikecualikan apabila memberi peruntukan untuk pembinaan jalan raya semasa mengulangkaji Dasar Rancangan Malaysia Kelima nanti. Jalan raya akan dibuat daripada Daerah Kapit bersambung Daerah Song lalu bersambung dengan Jalan Besar Utama di Daerah Kanowit. Kalau hendak dikirakan dari jumlah penduduk di Bahagian Kapit, walaupun ianya kecil, tetapi Bahagian Kapit terletak di kawasan pedalaman, oleh yang demikian, saya minta supaya dipertimbangkan untuk membina jalan raya di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang selanjutnya saya ingin meminta Kerajaan Pusat berunding untuk mengurangkan bayaran cukai jalan raya di Daerah Kapit dan Song, sebabnya jarak jalan raya yang ditarkan hanya sepanjang 9 batu sahaja dan jalan berbatu hanya 16 batu sahaja di Daerah Kapit. Di Daerah Song pula jarak jalan raya berbatu hanya 8 batu sahaja. Oleh yang demikian, saya bercadang pada Kerajaan supaya dapat mengurangkan cukai jalan raya bagi Daerah Kapit dan Song kepada 50%. Seperti yang telah difahamkan Kerajaan telah memberi persetujuan di Pulau Langkawi serta tempat sekeliling kawasan pertanian di Genting Highlands.

Daerah Kapit sekarang ini hanya mempunyai 1,300 buah jumlah kenderaan semuanya termasuk bas, teksi, lori, van, motokar dan motosikal. Daerah Song pula hanya mempunyai jumlah kenderaan lebih kurang 100 buah kesemuanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kedua daerah ini dihubungi oleh jalan raya dari Kanowit ke Song dan Kapit semua kategori cukai jalan untuk kenderaan yang digunakan bagi kedua Daerah Kapit dan Song ini sepatutnya dikurangkan kepada 50%, sebabnya jalan raya belum lagi dihubungi oleh mana-mana daerah yang lain. Oleh itu kenderaan yang boleh berjalan terhad di daerah sahaja, kebanyakan jalan raya berbatu dan belum lagi ditarkan dan jarak jalan raya yang boleh digunakan kenderaan bermotor begitu pendek. Oleh yang demikian, diharap Kementerian berkenaan akan memberi perhatian sepenuhnya di atas perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Penerangan sudahkah mengubah serta memperbaiki kelemahan program-program dalam Rangkaian Satu dan Kedua TV Malaysia supaya lebih baik lagi. Seperti yang dimaklumkan pengeluaran program-program tempatan baik dari Sarawak dan Sabah belum cukup banyak dapat disiarkan, mungkin ini oleh kerana tidak cukup masa atau masa terhad bagi menyiarkan program atau tidak cukup kakitangan serta kelengkapan bagi mengatur program tersebut. Oleh yang demikian, kami dari Sarawak dan Sabah minta Menteri Penerangan untuk menambahkan penyiaran siaran TV3 ke Sarawak dan Sabah supaya dapat memberi peluang kepada rakyat Sarawak dan Sabah mengikuti, menikmati serta boleh memitih dan melihat program-program yang lebih baik lagi.

Saya juga minta agar Kementerian Penerangan akan berusaha untuk

mengatur lebih banyak lagi program-program tempatan dari Sarawak. Daripada ini dapat semua rakyat Malaysia mengetahui dan memahami lebih mendalam lagi pembangunan atau masalah-masalah dalam sesuatu negeri di dalam Malaysia. Dengan ini juga jalan untuk mempereratkan persaudaraan dari kaum dalam Malaysia supaya sering memahami dan menghormati serta boleh memupuk ke arah integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Belanjawan 1988. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat dari Seremban.

5.36 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban); Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pada mulanya saya ingin bercakap mengenai ucapan yang penting Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28hb Oktober, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga waktu ini lebih kurang 91 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Dari jumlah ini 15 orang adalah DAP yang mana terdiri dari 9 orang Ahli Parlimen, 4 orang Ahli Dewan Undangan Negeri dan 2 orang ahli parti. Senarai ini bukan sahaja terdiri dari ahli-ahli politik, tetapi juga pemimpin-pemimpin pertubuhan sukarela dan aktivitis agama. Kecuali 3 orang dari ahli UMNO, 7 orang MCA dan 3 orang GERAKAN ditahan, kebanyakan yang lain adalah merupakan ahli-ahli Pembangkang dan tokoh-tokoh pembela hak rakyat yang berjuang untuk keadilan masyarakat.

Saya tidak setuju dengan tuduhan terhadap mereka bahawa mereka adalah golongan yang

bertanggungjawab menimbulkan ketegangan perkauman dan membahayakan keselamatan negara. Rakyat negara ini sudah tentu tidak percaya tuduhan ini, begitu dengan negara-negara lain di dunia. Tidak wujudnya sebarang Kerajaan yang sempurna dalam semua segi, lebih-lebih lagi dalam negara yang berdemokratik di mana wujudnya masalah-masalah sosial dan ekonomi. Siapa lagi yang dapat menyuarakan masalah-masalah ini melainkan ahli-ahli politik terutamanya dari parti Pembangkang, tokoh-tokoh pembela hak rakyat termasuk juga akhbar-akhbar. Mereka sebenarnya telah berbakti kepada negara kita kerana menarik perhatian negara kepada masalah-masalah politik, sosial dan ekonomi yang berlaku dalam negara kita dan berharap dengan cara ini dapat menyelesaikan masalah-masalah itu. Perbuatan menahan mereka adalah satu perbuatan yang amat kejam sekali. Tidak siapa yang lebih merugikan melainkan, dengan izin, dari Ahli Parlimen Tanjong yang juga merupakan Ketua Pembangkang.

Tuduhan yang beliau hanya berminat menimbulkan isu-isu perkauman kaum Cina Malaysia dan kaum India Malaysia adalah sama sekali tidak benar. Beliau pernah menimbulkan perkara-perkara mengenai kemiskinan terutamanya kemiskinan di luar bandar. Beliau juga ada melawat beberapa orang peneroka FELDA dan mengemukakan masalah-masalah mereka dalam Dewan ini dan juga mengambil berat tentang kaum Melayu yang tidak mempunyai sebarang tanah yang mana ketuanya Hamid Tuah adalah kawan baiknya. Isu-isu yang tidak berdasarkan perkauman seperti skandal EPF, MAMINCO, Lebuhraya Utara Selatan, Peristiwa Kapal Missile Spica dan juga PETRONAS-ESSO Oil Scans, dengan izin, pernah dibangkitkan oleh Ahli Parlimen dari Tanjong dalam Dewan ini.

Saya sebagai Pengerusi Parti mencabar sesiapa dalam Dewan ini untuk mengikut *Hansard* ini dan mengemukakan bukti-bukti bahawa beliau ada menyoal tentang hak keistimewaan Melayu, Bahasa Kebangsaan atau Agama Rasmi negara ini. Ketua Pembangkang yang juga Ahli Parlimen dari Tanjong telah menimbulkan perkara-perkara tentang hak kaum Cina Malaysia dan kaum India Malaysia, dari segi politik, ekonomi, pendidikan dan kebudayaan, tetapi apabila beliau menyoalkan tentang perkara-perkara ini pandangannya pun diikuti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawabnya seperti yang terdapat dalam ucapannya di Parlimen pada 28hb Oktober, 1987.

Dia kata, "Kita semua mengiktiraf keistimewaan kedudukan bumiputera dan hak kerakyatan bagi bukan Melayu, termasuk kaum Cina dan India, yang layak dan memilih untuk menjadi warganegara Malaysia. Kita telah mengakui bahawa agama Islam adalah agama rasmi Malaysia tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan bebas. Kita bersetuju bahawa Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu tetapi kaum-kaum yang lain berhak menggunakan bahasa-bahasa mereka." dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi, hak istimewa orang Melayu dan kedudukan Raja-raja dalam Perlembagaan dan hak-hak kewarganegaraan telah entrenched, dengan izin, oleh Parlimen pada tahun 1971. Sesiapa yang menyoal tentang keempat-empat hak di atas akan ditahan di bawah Akta Penderhakaan, (Sedition Act), dengan izin, tetapi tidak seorang pun dari 24 Ahli Parlimen DAP pernah menyoal tentang hak-hak ini sama-ada di Parlimen sini atau dalam ucapan di luar Dewan ini. Sekiranya mereka ada

berbuat demikian sudah tentu mereka telah didakwa di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, DAP membangkitkan isu-isu mengenai hak bukan Melayu Malaysia—Cina, India dan Penan baru-baru ini dalam Dewan dan juga di luar Dewan. Pertamanya kita patut fahami bahawa isu-isu pribumi adalah merupakan perkara yang ditimbulkan di antara UMNO dan MCA, DAP tidak campur dalam isu tersebut. DAP ada membangkitkan perkara-perkara mengenai tarian singa yang patut dijadikan sebahagian daripada kebudayaan Malaysia, skandal 24 koperasi pengambil deposit, kontroversi papantanda Johor Bahru, ikrar murid, pakaian di Universiti Teknologi dan penempatan guru besar dan penolong kanan yang kurang fasih dalam Bahasa Mandarin ke sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan pembatalan matapelajaran pilihan dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil Universiti Malaya.

Kami berbuat demikian kerana kami mengambil berat tentang hak kaum Cina Malaysia dan kaum orang India. Perdana Menteri sendiri telah berkata pada hari itu di Parlimen bahawa kita persetujuan bahawa "Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu tetapi kaum-kaum lain berhak menggunakan bahasa mereka dan juga kita mengakui bahawa agama Islam adalah agama rasmi Malaysia tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan bebas."

Adalah tidak salah untuk DAP menimbulkan masalah-masalah ini kepada perhatian negara supaya masalah-masalah ini dapat diselesaikan dan kami akan mengecewakan rakyat sekiranya kami tidak peduli masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Isu-isu tersebut tidak akan ditimbulkan sekiranya pihak Kerajaan telah melindungi

hak-hak rakyat Malaysia secara adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, isu tarian singa, papantanda dan iklan dan pendidikan Cina telah lama wujud di negara kita ini, dengan mereka sendiri tidak akan menyebabkan kerusuhan perkauman. Kontroversi mengenai Dasar Ekonomi Bam telah menyebabkan polarisasi perkauman tetapi bukannya konfrantasi. Untuk menentukan sebab berlakunya kecemasan di Kuala Lumpur minggu lalu kita mesti perhatikan perebutan kuasa di dalam UMNO sendiri di mana terdapat dua kumpulan yang terlibat dalam, dengan izin, epic tussle, untuk hidup. Untuk mendapat sokongan pertamanya satu rapat raksasa 6,000 sampai 10,000 penyokong UMNO di Stadium Bolasepak yang terletak di Jalan Raja Muda telah diadakan dan ada satu rancangan untuk diikuti dengan satu rally raksasa di Stadium Merdeka pada 1hb November.

Tujuan yang dinyatakan adalah untuk membangkitkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat Metayu tetapi pemimpin-pemimpin.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Chen Man Hin: Tidak beri.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak cukup kuorum. Sila bilang Setiausaha.

Dua puluh dua, tidak cukup kuorum. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir.*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Kuorum telah cukup. Teruskan Yang Berhormat.

Dr Chen Man Hin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tujuan yang dinyatakan adalah untuk membangkitkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat Melayu tetapi pemimpin-pemimpin yang bercita-cita tinggi ada mempunyai rancangan-rancangan yang lain.

Mereka merancang kerusuhan perkauman di negara ini yang mana akan menuju kepada satu keadaan darurat, kecemasan dan negara ini akan diperintah di bawah N.O.C.

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau minta jalan.

Dr Chen Man Hin: Tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak benarkan. Yang Berhormat, sila duduk, dia tidak benarkan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order, kena duduk Yang Berhormat dari Seremban. Ya, Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Point of order 36 (6), "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat". Dia kata tadi pemimpin Melayu merancang untuk melakukan huru-hara. Itu sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, duduk! Teruskan Yang Berhormat dari Seremban.

Tuan Shahidan bin Kassim: Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduklah. Teruskan Yang Berhormat dari Seremban.

Dr Chen Man Hin: Ya, dengan perintah N.O.C. musuh-musuh mereka di dalam UMNO sendiri secara efektifnya dapat dineutralisekan. Cadangan rally UMNO pada 1hb November adalah "catalyst", dengan izin, kecemasan dan ketegangan dalam Kuala Lumpur. DAP bukanlah yang menyebabkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c), perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, pada pandangan saya tidak ada. Yang Berhormat dari Seremban boleh teruskan.

Dr Chen Man Hin: Dan DAP bukanlah. yang menyebabkan perlakuan dan ketegangan tetapi telah dijadikan scapegoat, dengan izin, culprit yang patut ditahan ialah dalam UMNO sendiri. Penahanan Lim Kit Siang dan 9 orang Ahli Parlimen, 4 orang Ahli Dewan Undangan Negeri dan 2 ahli parti adalah tidak beralasan dan tidak berpatutan. Mereka harus dibebaskan dengan segera, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, di mana negara kita hendak pergi dari sini. Menjelang akhir ucapannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memutuskan untuk membatalkan semua rally yang bermakna UMNO tidak dapat mengadakan rallynya pada 1hb November di Stadium Merdeka. Semasa beliau mengumumkannya ketegangan yang wujud di Dewan ini

telah berkurangan dan kedengaran kelohan lega dari Ahli-ahli dalam Dewan ini. Kami di DAP mengalu-alukan ucapan Perdana Menteri itu dan mengucapkan tahniah di atas gesturenya yang statesman-like.

Keadaan krisis pada masa ini telah hampir tamat tetapi ada masalah-masalah yang timbul belum diselesaikan. Satu krisis telah tamat tetapi adakah kita tahu bila krisis yang selanjutnya akan timbul. Adakah kita hidup dalam satu krisis ke satu krisis yang lain? Negara ini tidak mampu mengalami satu krisis lagi dan satu persetujuan yang sesuai perlu diambil untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit yang wujud dalam masyarakat yang berbilang kaum. Dengan menahan pemimpin-pemimpin politik dan tokoh-tokoh pembeia rakyat bukanlah jawapan yang sesuai. Mengenakan sekatan ke atas akhbar dengan membatalkan lesen-lesen mereka akan menambahkan lagi khabar-khabar angin di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi seruan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebelum ditahan supaya menubuhkan satu jawatankuasa perundingan kebebasan yang terdiri dari ahli-ahli politik, wakil-wakil agama, ahli-ahli cendekiawan, tokoh-tokoh pembela hak rakyat dan lain-lain pemimpin sosio-ekonomi. Mereka patut menimbang tentang aspek semua kaum dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, terutama tentang isu sensitif yang tidak boleh dibahas secara umum. Mereka patut merumuskan garis panduan untuk mencegah ketegangan perkauman dan mengurangkan polarisasi perkauman. Mereka boleh mencuba membina satu dasar yang kukuh pembentukan satu negara berbilang kaum yang bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Budget, tujuan utama dalam

strategi Belanjawan 1988 adalah untuk mengukuhkan proses pemulihan ekonomi dengan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan lebih peluang pekerjaan. Kata-kata yang sama ini telah diulangi dari satu tahun ke satu tahun yang lain tetapi ia masih tidak berhasil. Menteri Kewangan sendiri juga ada mengakui bahawa pelabur-pelabur swasta akan naik sedikit sebanyak 1.2% untuk tahun 1987, manakala pengangguran akan naik kepada 9% sekurang-kurangnya. Tetapi menurut sumber-sumber yang lain kadar pengangguran di negara ini adalah lebih tinggi dari kadar itu. Pengangguran ini termasuk jugalah 50,000 siswazah dan jumlah ini bersama-sama dengan kadar kenaikan KNK (GNP) sebanyak 1.7% menunjukkan satu gabungan yang dengan izin, explosive. Ia merupakan satu sebab utama timbulnya keadaan yang membimbangkan di negara ini dengan penambahan ketegangan perasaan politik dan perkauman di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan lemah tidak disebabkan oleh kekurangan liquidity atau cash. Liquidity bukanlah merupakan masalah kepada pelabur-pelabur pertanian, peiancongan atau perkilangan. Bank-bank di negara ini mempunyai wang tunai yang banyak tetapi hanya sedikit pelabur yang meminjam wang dari bank-bank. Berdasarkan kepada Jadual 5.4 dalam Laporan Ekonomi di muka surat 102 pada tahun 1987, adanya Tabung Sektor Swasta dan wujudnya Jurang Tabungan berjumlah \$11,715. Jumlah ini adalah merupakan satu jumlah yang besar dan ia patut digunakan untuk sektor perkilangan daripada digunakan dalam pasar saham dan menyebabkan harga saham yang tidak realistik.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memahami keperluan utama untuk pelaburan asing telah

membuat rombongan perdagangan ke luar negeri termasuk Amerika Syarikat, Russia, China dan Jepun. Setakat ini hasil rombongan-rombongan perdagangan ini adalah tidak begitu menggalakkan. Berkenaan dengan Dasar Pandang ke Timur (Look East Policy), dengan izin, dasar ini yang diharapkan dapat membantu negara kita dalam pertumbuhan ekonomi dan produktiviti yang lebih tinggi dengan menggunakan Jepun sebagai contoh masih belum menunjukkan apa-apa hasil tetapi di lain-lain negara seperti di Korea Selatan, Taiwan, Hongkong dan Singapura, mereka telah berjaya dalam dasar itu, terutama negara Korea Selatan. Barangkali negeri Thai iaitu sebuah negara ASEAN dan negara jiran kita merupakan satu contoh yang tebih baik. Ekonomi negara ini juga bertumpu kepada hasil-hasil pertanian tetapi pertumbuhan ekonominya adalah sangat menggatakan. Pada tahun ini GNP (KNK) negeri Thai dijangka naik kepada 70%.

Tuan Yang di-Pertua, apakah faktor-faktor kejayaannya. Ahli-ahli ekonomi menyatakan barang-barang di negeri Thai adalah murah dan terdapat berbagai-bagai jenis barang-barang yang bermutu (quality) dari pakaian, barang-barang kemas, barang-barang tin dan hasil lautan. Keadaan ini telah berjaya menarik pelabur-pelabur dari ASEAN dan Jepun ke negara Thai. Saya ingin mengemukakan satu cadangan kepada Menteri Kewangan untuk menghantar sepasukan pegawai-pegawai khas ke negeri Thai untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan negeri Thai muncul sebagai satu pusat pelaburan yang baik untuk pelabur-pelabur tempatan dan asing. Di samping sebab-sebab yang dinyatakan di atas pegawai-pegawai Menteri juga akan dapat negeri Thai mempunyai peraturan-peraturan yang sedikit dan cukai koperat yang rendah jika

dibandingkan dengan Malaysia. Apa yang pentingnya ialah tidak wujudnya conflict kepercayaan di negara itu, tetapi ia wujud di negara ini yang telah menyebabkan pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri melabur di negara lain. Sekiranya tidak bagaimana ahli-ahli dapat menerangkan fenomena luar biasa tentang kelebihan liquidity di bank-bank dengan tiada apa-apa pinjaman dari pelabur-pelabur yang berpotensi.

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli niaga sama ada tempatan atau luar negeri akan berhati-bati apabila hendak melabur iaitu mereka akan melabur di tempat di mana mereka yakin akan dapat keuntungan utusan rombongan perdagangan insentif dan kadar bunga yang rendah, tabung pelaburan telah gagat menarik ahli-ahli peniaga tersebut untuk melabur di negara ini. Penghapusan cukai keuntungan berlebihan dan \$500 juta tabung penyelarasan perindustrian dan elau pelaburan semula yang telah dilanjutkan ke tahun 1990 juga gagal menarik pelabur-pelabur ke negara kita. Menleri Kewangan tidak dapat menghasilkan satu ucapan Belanjawan yang menggalakkan. Ramai orang menamakan Budget ini sebagai non-Budget. Ini adalah disebabkan beliau tidak berucap tentang isu keadaan politik, sosio-ekonomi yang stable.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah petikan ucapan Datuk Malek Marican, Pengunis Urusan Bank Saudagar Arab-Malaysia mengenai Dasar Ekonomi Baru. Dia kata:

"If you organise an economic system where you say to an investor, "If you are successful, we want 30% or worse 50%" and raise question about control, the entrepreneur just walks away. If you continue with this, you will run down your growth rate and you will have rising unemployment that will hit the bumiputera harder too".

Beliau memberi penekanan kepada keutamaan pertumbuhan ekonomi (economic growth) kerana sekiranya tidak maka tidak terdapat apa-apa untuk dibahagikan. Untuk menolong bumiputera beliau mencadangkan satu program yang lebih sesuai iaitu:

(Dengan izin):

"You have to say you want to provide the bumiputera with fair opportunities but you must not rig the framework in such a way as to put off the non-bumiputera who wants to invest. If there are contracts or licences, you can give two to the bumiputera and one to the non-bumiputera but after you have done that, you should allow them to compete and expand without further regulatory restrictions, if you want a healthy enterprise system where people compete".

Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli niaga Malaysia akan merasakan beliau mempunyai satu pertaruhan Keselamatan hakmiliknya dalam negara ini di mana beliau akan melaburkan semua wangnya dalam perniagaannya dan beliau akan mengusahakannya sepanjang hidupnya. Perasaan keselamatan ini dapat ditanam di jiwa mereka sekiranya ada polisi yang bercorak berbilang kaum yang menjamin peluang dan keadilan yang saksama. Saya sokong dengan cadangan yang dibuat oleh Ahli dari Tanjong yang menubuhkan satu Jawatankuasa Perunding Kebangsaan. Ahli-ahli Jawatankuasa itu terdiri daripada wakil-wakil politik, badan kebudayaan dan pendidikan, organisasi agama dan kumpulan hak kebebasan manusia.

Itulah sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bandau.

6.02 ptg.

Tuan Madatang bin Morejal (Bandau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Dasar Belanjawan Negara Tahun 1988 yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia. Bagi pihak rakyat jelata di kawasan Bandau, Sabah, saya ingin menyampaikan pandangan serta cadangan-cadangan terhadap Belanjawan negara yang telah dibentangkan agar mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pada setiap penghujung tahun rakyat jelata dari berbagai lapisan masyarakat di seluruh negara menanti dengan penuh kesabaran pembentangan Belanjawan negara di Dewan yang mulia ini. Dari pembentangan Belanjawan tersebut, dasar-dasar yang akan menentukan nasib mereka dalam segi ekonomi boleh diramalkan. Dalam suasana yang sedemikian, adalah tanggungjawab bagi Kerajaan untuk tidak menghampakan harapan rakyatnya. Dalam sesi Parlimen kali ini adalah tanggungjawab kita selaku Wakil-wakil Rakyat untuk menunaikan tanggungjawab dan kewajipan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara bagi tahun ini pada keseluruhannya adalah memuaskan, akan tetapi beberapa faktor dan aspek Belanjawan tersebut perlu diulang-kaji oleh Kerajaan dengan telitinya. Di sini saya ingin kemukakan beberapa faktor serta aspek Belanjawan negara bagi tahun 1988 yang dimaksudkan.

Pertama, keadaan sosio politik negara yang wujud pada masa kini perlu diambil perhatian sepenuhnya oleh semua pihak yang terlibat agar

ekonomi yang moden yang telah kita dirikan bersama ini tidak terjejas dan berkekalan sampai selama-lamanya. Isu politik perkauman seharusnya tidak timbul berluasan di negara yang berbilang kaum dan agama. Rakyat jelata di seluruh negara yang berasal daripada berbilang kaum dan agama ini seharusnya sedar bahawa sokongan mereka terhadap parti pilihan mereka tidak tertakluk kepada isu bangsa dan agama. Parti-parti politik juga seharusnya sedar bahawa isu-isu sensitif tidak diungkit-ungkit untuk memastikan kemenangannya. Sokongan rakyat kepada parti-parti pilihan mereka serta dasar-dasar parti-parti politik yang wujud di negara ini seharusnya tertumpu kepada jaminan untuk mewujudkan keadaan di mana rakyat jelata hidup bersenang-lenang, aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mewakili rakyat di kawasan Bandau, Sabah selama kurang lebih satu tahun dalam Dewan yang mulia ini. Dalam masa yang singkat itu, saya telah memerhatikan gerak-geri Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di mana persoalan, penjelasan dan isu-isu yang telah dikemukakan di Dewan ini adalah berdasarkan isu perkauman dan agama. Keadaan yang sedemikian seharusnya tidak timbul di Dewan yang mulia ini. Perhatian seharusnya tertumpu kepada pencapaian dan prestasi Kerajaan yang memerintah dalam menyelesaikan masalah-masalah negara yang sedang pesat membangun ini demi untuk kemakmuran, keamanan dan keharmonian seluruh lapisan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, senarai keahlian Dewan yang mulia ini mencerminkan dengan sendirinya keadaan sebenar negara kita yang terdiri daripada berbagai kaum dan agama. Saya percaya bahawa perselisihan faham di antara Ahli-ahli

Dewan ini boleh meletus, mengakibatkan kestabilan negara terganggu. Sudah sampai masanya bagi kita untuk mencurahkan segala tenaga dan kemahiran kita bagi mengukuhkan kestabilan negara yang kita cintai ini. Kestabilan tersebut dengan sendirinya boleh menstabilkan kedudukan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut konteks sosio politik negara pada masa kini tidak dapat dinafikan bahawa perhubungan di antara kaum di Semenanjung Malaysia adalah tegang berikutan dengan peristiwa-peristiwa yang kurang memuaskan sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Saya merayu agar semua pihak yang tertibat menggunakan cara "diplomacy of the highest order", dengan izin, untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat di negara ini. Pihak Kementerian Kewangan serta pegawai-pegawainya telah bertungkus-lumus untuk mengukuhkan serta menstabilkan ekonomi negara dan pembentangan Belanjawan negara yang ada di hadapan kita ini adalah kemuncak daya usaha mereka. Janganlah kita hampakan daya usaha mereka itu dengan masalah yang berdasarkan emosi perkauman dan agama. Dalam konteks ini, saya setuju dengan nasihat Yang Berhormat Menteri Kewangan di mana beliau menegaskan agar kita jangan ungkit perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama dan jangan bermain api dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, faktor kedua yang perlu diteliti oleh pihak Kerajaan sewaktu pembentangan Belanjawan negara bagi tahun ini adalah dasar-dasar pelaksanaan projek-projek pembangunan di seluruh negara. Sebagaimana yang kita sedia maklum, negara kita ini sedang membangun seperti juga dengan negara-negara jiran kita. Oleh yang demikian, pelaksanaan projek-projek bagi

tujuan pembangunan mestilah diberi keutamaan. Pihak Kerajaan seharusnya mempunyai dasar-dasar yang tertentu bagi maksud tersebut. Dasar-dasar yang munasabah bagi tujuan tersebut akan memberi keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan dan pucuk pimpinan negara.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan bagi berbagai projek dari seluruh negara biasanya dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu dalam Kerajaan. Saya sedar bahawa kedudukan kewangan negara tidak dapat melayani kesemua permohonan tersebut, akan tetapi semua permohonan yang telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan untuk dilaksanakan mestilah dilaksanakan dengan seberapa segera. Perkataan seperti "Tunggulah", "Bersabar dahulu" yang seringkali dikemukakan oleh Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri Kerajaan seharusnya tidak ada tempat dalam konteks ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa negara kita ini, antara lain, mempunyai tenaga manusia yang berpelajaran dan kemahiran yang cukup untuk memenuhi keperluan sebuah ekonomi yang moden. Adalah tidak keterlaluan bagi saya untuk menyatakan bahawa banyak projek-projek yang telah dipersetujui bersama oleh pihak Kerajaan untuk dilaksanakan yang telah digendalakan atau dibatalkan oleh pihak Kerajaan sendiri tanpa penjelasan yang munasabah.

Di Negeri Sabah misalnya, projek pembinaan rumah sakit di Kampung Gerumis, Tuaran, Sabah yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Pusat masih belum dilaksanakan sehingga ke hari ini. Projek pembinaan rumah sakit daerah bagi daerah Kota Marudu turut menerima nasib yang sama. Dalam sesi Soal-Jawab di Dewan ini, saya

dapati bahawa negeri-negeri yang lain di seluruh negara juga menerima nasib yang sama. Saya memohon agar Kerajaan mengambil berat tentang isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dasar-dasar Kerajaan terhadap pengambilan pekerja-pekerja buruh untuk berkhidmat di Jabatan-jabatan, agensi-agensi serta badan-badan berkanun milik Kerajaan Pusat yang beroperasi di setiap negeri di seluruh negara juga perlu dibangkitkan di dalam perbahasan Belanjawan negara pada tahun ini. Perkara ini seharusnya disentuh kerana implikasinya dalam segi perjimatan Belanjawan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejak negara kita mencapai kemerdekaan daripada penjajahan British, Kerajaan Pusat telah menubuhkan badan-badan Kerajaan di seluruh negara bagi menampung keperluan dan kemudahan rakyat jelata. Badan-badan Kerajaan tersebut juga mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini.

Dalam konteks ini adalah sangat menyedihkan kerana dasar-dasar Kerajaan terhadap pengambilan pekerja-pekerja buruh bagi maksud tersebut melibatkan pengambilan pekerja-pekerja buruh daripada satu negeri untuk berkhidmat di negeri-negeri yang lain.

Pada pendapat saya, menghantar pegawai-pegawai dari satu negeri untuk berkhidmat di negeri yang lain melibatkan pembaziran kewangan dalam segi elaun yang berbagai bentuk oleh pihak Kerajaan. Gaji dan elaun seseorang pegawai yang dihantar untuk berkhidmat di sesebuah negeri boleh membayar gaji sebanyak dua orang tempatan bagi jawatan yang sama.

Oleh yang demikian, saya merayu agar Kerajaan Pusat memberikan

keutamaan bagi orang-orang tempatan untuk mengisi jawatan di semua jabatan-jabatan, agensi-agensi dan badan-badan berkanun milik Kerajaan Persekutuan. Sekiranya Kerajaan mempertimbangkan cadangan ini, dua aspek Belanjawan Negara akan tercapai.

Pertama, pengambilan orang-orang tempatan bagi mengisi jawatan di badan-badan Kerajaan Persekutuan boleh menjimatkan peruntukan pengurusan negara dan mungkin juga seterusnya memperbaiki defisit akaun semasa negara Kerajaan Persekutuan.

Kedua, cadangan tersebut akan memberi petunjuk kepada strategi Belanjawan Negara bagi tahun ini yang menekankan, antara lain, perwujudan peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, penghantaran pegawai-pegawai Kerajaan dari satu negeri untuk berkhidmat di negeri-negeri yang lain masih dipraktikkan dengan tuasnya oleh Kerajaan Pusat sehingga ke hari ini. Dalam konteks ini, keadaan di Malaysia Timur amnya dan di negeri Sabah khususnya merupakan contoh yang ketara. Di negeri Sabah misalnya, hampir semua jawatan di Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan badan-badan berkanun milik Kerajaan Pusat disandang oleh pegawai yang dihantar khas daripada negeri-negeri lain dalam negara ini. Keadaan yang sedemikian, dengan sendirinya menimbulkan satu perasaan rakyat tempatan iaitu perasaan dijajah oleh pihak Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, bahawa sekiranya dasar ini diberhentikan dengan serta-merta, ia akan menggugat pentadbiran negeri yang terlibat. Walau bagaimanapun, saya mencadangkan agar Kerajaan Pusat mengulangkaji dasar-dasar tersebut dengan mengambilkira penduduk-penduduk tempatan bagi mengisi jawatan-jawatan badan-badan

Kerajaan milik Kerajaan Pusat di setiap negeri sebagai langkah jangka panjang dan hanya mengimport pegawai-pegawai dari negeri yang lain, sekiranya kemahiran pegawai tersebut tidak dapat diperolehi di negeri yang berkenaan atau di negeri yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pendatang haram di seuruh negara juga perlu diambil perhatian yang sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Saya sedar, bahawa masalah ini belum mencapai tahap yang membimbangkan para pucuk pemimpin negara, akan tetapi masalah ini jika tidak diambil tindakan awalan, akan menjadi kuman-kuman yang meracuni masyarakat negara ini yang sudah ditimpa oleh berbagai masalah perkauman.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, masalah pendatang haram itu berpunca daripada pendatang-pendatang haram daripada Indonesia bagi Semenanjung Malaysia dan pendatang-pendatang haram daripada Filipina dan Indonesia bagi Malaysia Timur, khususnya bagi negeri Sabah. Kehadiran para pendatang-pendatang haram tersebut mengakibatkan berbagai masalah bagi penduduk-penduduk tempatan di seluruh negara. Keselamatan para penduduk tempatan telah terganggu akibat kehadiran mereka. Peluang-peluang pekerjaan yang sedia ada, khususnya dalam bidang sektor swasta telah direbut oleh mereka.

Dalam konteks ini, strategi Belanjawan Negara di mana, antara lain, merancang perwujudan peluang pekerjaan bagi anak tempatan di seluruh negara tidak akan berkesan dalam keadaan yang sedemikian, sekiranya masalah-masalah pendatang-pendatang haram ini dibiarkan berterusan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan awam yang telah

disediakan oleh pihak Kerajaan dengan kos beribu-ribu juta ringgit wang rakyat negara ini terpaksa digunakan bersama dengan para pendatang-pendatang haram daripada Indonesia dan Filipina dan juga pelarian-pelarian daripada negara-negara yang lain. Ini bermakna mereka menikmati kemudahan-kemudahan hasil daripada daya-usaha masyarakat tempatan di negeri ini. Ini merupakan keadaan yang tidak adil bagi kita.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Negara bagi tahun ini membuktikan bahawa pihak keselamatan negara menerima peruntukan yang cukup bagi mengawal keselamatan negara ini. Dengan peruntukan yang sedemikian, tidak ada alasan lagi bagi Kerajaan untuk tidak mengawal serta menghapuskan masalah para pendatang-pendatang haram di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan merupakan aspek penting dalam Belanjawan Negara. Di sini saya ingin menegaskan bahawa Ahli-ahli Parlimen berperanan penting dalam pelaksanaan projek-projek tersebut. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana sedar dengan peranan-peranan tersebut. Saya berpendapat bahawa pemberian peruntukan sebanyak \$200,000 setiap tahun kepada Ahli-ahli Parlimen bagi tujuan tersebut merupakan kesedaran Kerajaan terhadap peranan penting yang dimainkan oleh Ahli-ahli Parlimen dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di seluruh negara.

Dalam konteks Malaysia Timur dan negeri-negeri yang kurang maju di Semenanjung Malaysia didapati peruntukan sebanyak \$200,000 itu kurang memuaskan. Saya mencadangkan kepada Kerajaan agar peruntukan tersebut ditambah

sebanyak \$100,000. Ini bermakna setiap Ahli Parlimen mempunyai peruntukan sebanyak \$300,000 bagi tiap-tiap tahun untuk melaksanakan pelbagai projek di kawasan masing-masing demi untuk menampung keperluan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih dan saya menyokong Akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

6.16 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang dan kesempatan untuk saya membuat ucapan menyokong di atas Rang Undang-undang Belanjawan 1988 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulla pada hari Jumaat 23hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya Belanjawan yang telah dibentangkan itu adaiiah boleh disifatkan sebagai Belanjawan yang sederhana kerana mengambilkira dengan masalah kewangan negara yang sedang dalam keadaan genting, tetapi mungkin ada juga pihak yang berpendapat Belanjawan ini membebankan rakyat, golongan yang berpendapatan rendah dan ada juga yang sebaliknya.

Ini adalah telah menjadi tabiat manusia dan lumrah alam, sukar hendak mendapatkan kepuasan seratus peratus kepada semua pihak. Ini adalah perkara yang mustahil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang Belanjawan ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan ada

menyentuh bahawa hutang luar negeri akan dibayar bayarannya lebih awal. Dengan bayaran itu kata beliau dijangka hutang luar negeri dapat dikurangkan kepada \$49.2 bilion pada akhir tahun 1987 ini. Ini adalah satu perkara yang agak baik untuk negara, tetapi ini pun ada juga di antara masyarakat kita yang membuat pertikaian di atas apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1988 disifatkan sebagai Belanjawan yang baik kerana telah dapat pertambahan sebanyak \$497 juta ataupun kira-kira 2.4% lebih tinggi daripada peruntukan 1987 ini. Bagi pandangan saya dengan pertambahan ini patutlah kita bersyukur kepada Allah s.w.t. moga-moga dapat ditambahkan lagi di masa-masa yang akan datang dan juga patut berterima kasih kepada Kerajaan dengan gigih usaha mereka dapat juga menambah lagi walaupun keadaan ekonomi negara kita sekarang sedang dalam keadaan yang genting.

Allah s.w.t. berfirman di dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Sekiranya kamu bersyukur atas nikmat yang telah Aku berikan; insya Allah Aku tambahkan lagi buat masa-masa yang akan datang. Tetapi sebaliknya jikalau engkau kufurkan dengan nikmat yang Aku beri, kemungkinan besar nikmat itu akan mendapat pembalasan yang tidakbaik".

Dengan demikian kita harus mencari satu usaha yang padu, moga-moga Kerajaan dapat melipatgandakan lagi untuk mempertingkatkan hasil negara demi untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Insya AUah taraf hidup mereka akan dapat dipertikaikan dari satu abad ke satu abad yang lain dan mencapai kejayaan. Islam tidak

menyuruh umatnya miskin, merana, tetapi Islam mahu umatnya hidup kaya raya dengan segala nikmat-nikmat Tuhan yang ada di bumi Tuhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan Belanjawan 1988 dinyatakan bahawa di bawah peruntukan Perbelanjaan Mengurus didapati keutamaan diberi kepada:

- (1) Sektor Pendidikan;
- (2) Sektor Kesihatan.

Ini adalah wajar memandangkan kepada kedua-dua sektor ini adalah penting dalam penghidupan manusia. Islam menggalakkan pendidikan dan Islam juga menggalakkan kesihatan. Kerajaan juga selain daripada hendak menghapuskan kemiskinan, mengurangkan kadar kemiskinan; mementingkan pendidikan. Untuk melahirkan generasi-generasi yang berilmu pengetahuan yang tinggi, berakhlak mulia dan bermaruah dan sikap murni.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pendidikan perlulah diberi keutamaan kerana manusia dilahirkan untuk menerima didikan kerana kepada mereka diberi tugas untuk mentadbir sesebuah masyarakat dan negara. Ini adalah berdasarkan kepada sejarah Allah s.w.t. melantik Adam untuk menjadikannya sebagai Khalifah di bumi ini sehinggalah turun menurun sampai kepada masa sekarang.

Para pendidik di dalam sesebuah negara adalah satu-satunya orang yang penting patut diberi penghormatan yang tinggi kerana hasil daripada jasa-jasa merekalah wujudnya para cerdik pandai yang menjadi pemimpin di sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, melihat dari sudut inilah diharapkan kepada Menteri Pendidikan supaya dengan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan kepada sektor ini dapat

memainkan peranan yang bersungguh-sungguh dengan melihat kepada umum fizikal dan mental yang juga patut diambil kira. Kita akui Kerajaan telah berjaya membangunkan sektor ini tetapi kekurangan dan kelemahan-kelemahan memang masih wujud.

Oleh itu kita harapkan supaya dengan peruntukan yang disediakan itu, dengan kebijaksanaan Menteri Pendidikan dapatlah mengatasi segala kelemahan-kelemahan itu dan dapat membaiki lagi prestasi pencapaian pelajar-pelajar kita terutama sekali petajar yang berada di luar-luar kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah di luar bandar diharapkan perhatian utama patut diberikan supaya lebih-lebih berkembang maju lagi pendidikan kepada masyarakat di luar bandar. Perhatian yang patut diberi selain daripada bangunan sekolah-sekolah itu sendiri, segala kemudahan-kemudahan asas sama ada kepada pelajar-pelajar, para guru-guru, kemudahan untuk pembelajaran diberi supaya matlamat pendidikan itu dapat dicapai dengan sepenuhnya. Bukan sahaja pencapaian dari segi fizikal tetapi mental juga perlu diberi perhatian yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai sektor kesihatan. Oleh kerana Rang Undang-undang Belanjawan 1988 memperuntukkan kepada sektor ini agaknya tinggi maka patutlah kepada Kementerian ini membuat analisa yang lebih terperinci lagi mengenai dengan rendahnya taraf kesihatan di negara kita ini lebih-lebih lagi kepada penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pusat-pusat Kesihatan, Klinik-klinik Bidan di luar bandar juga patut diperbaiki lagi di segi peralatan, pengurusan, dan sikap para pegawai

yang perlu diambil dan diperbaiki dari masa ke semasa supaya matlamat Kerajaan mahu melahirkan jenerasi yang sihat, kuat dan bertenaga dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan begitu rendahnya kesihatan bagi penduduk-penduduk luar bandar maka projek-projek terutama sekali projek air bersih, tandas curah, makanan yang berzat perlu diperhatikan dengan lebih lagi kerana apa yang dilihat masih ramai lagi penduduk luar bandar menggunakan air yang kurang bersih, membuang najis di merata-rata tempat, cara makan mereka tidak tersusun sedangkan Islam menggalakkan umatnya sihat, bertenaga dan bersih. Sebagaimana Allah s.w.t. berfirman di dalam Al-Quran yang bererti "bahawa Allah s.w.t. sayangkan kepada mereka yang bersih." Begitu juga Nabi bersabda yang berbunyi seperti maksudnya "fikiran yang waras adalah keluar dari badan yang waras".

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan Belanjawan 1988 ini, saya juga suka membangkitkan beberapa perkara sebagaimana berikut:

(1) *Projek Bekalan Api Di Luar Bandar*—

Selalu ini memakan masa yang begitu lama. Bermula dari pangkah palang merah di pokok-pokok ke pasang tiang dan pendawaian mengambil masa bertahun-tahun lamanya. Kelemahan ini patut dikaji supaya dapat diatasi kerana ini adalah kepentingan asas yang patut diberi perhatian. Begitu juga kawasan-kawasan yang ketinggalan dan yang belum lagi diluluskan supaya peruntukan yang disediakan dalam Belanjawan tahun ini dapat dilaksanakan dengan baik dan tersusun;

- (2) *Landasan Keretapi Yang Menjadi Tempat Lalulintas Orang-ramai Yang Tidak Berpagar—*

Diharapkan Kerajaan mengenalpasti ini di tempat-tempat yang mungkin masih banyak lagi di negara kita ini supaya peristiwa nahas di landasan keretapi tidak akan berulang lagi seperti yang berlaku pada masa-masa yang sudah;

- (3) *Pas Sempadan (Border Pass)—*

Apa yang saya diberitahu bahawa buat masa sekarang kepada orang yang akan ke Thailand mengambil masa 3 hari baru pas itu dapat diluluskan. Ini juga mengambil masa yang agak lama kadangkadang mereka itu ke sana itu bukan lama sangat. Mereka mengambil jalan keluar dengan menggunakan pengkalan-pengkalan haram. Perkara ini juga mungkin merugikan hasil Kerajaan Negeri.

- (4) *Subsidi Harga Padi—*

Pada dasarnya memang baik. Tujuan Kerajaan ialah hendak memberi pertolongan kepada petani-petani yang berpendapatan rendah yang menggunakan tenaga empat kerat. Malangnya masalah yang

timbul bukan petani-petani yang dapat nikmat malahan orang-orang tengah mencari kesempatan, akhirnya petani juga tidak dapat dibelakan;

- (5) *Projek Ikan Air Tawar—*

Apa yang telah berlaku di negeri Kelantan, 213 buah kolam ikan air tawar telah pun terbiar. Untuk memulihkannya mengikut kenyataan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perikanan dan Pertanian Negeri Kelantan memerlukan peruntukan sebanyak \$155,000. Diharapkan Kementerian Pertanian dapat memberi perhatian supaya projek-projek seumpama ini tidak akan menjadi lagi di masa-masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Rantau Panjang boleh sambung lagi esok.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 3hb November, 1987.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.